

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang berkata : Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka tetap istiqamah, maka malaikat akan turun kepada mereka (dan berkata) : Janganlah kamu takut dan janganlah kamu bersedih hati, dan bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepadamu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Fushshilat, ayat 30.

BERANGKAT MENYAKSIKAN PERLAWANAN LIGA SUPER MALAYSIA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 31 Januari. – Perlawanan bola sepak antara DPMM FC dan Melaka FC terikat dengan keputusan seri 1-1 dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Turut berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 3



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan. Turut berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



Berita Utama



PAMERAN sediakan platform pendidikan, pencegahan jenayah

Muka 4



NBD terima pengiktirafan pada Anugerah Piawai Pelancongan ASEAN

Muka 5

Kementerian Kewangan dan Ekonomi adakan Sesi Muzakarah

Siaran Akhbar :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Sesi Muzakarah bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, hari ini.

Hadir selaku pengerusi semasa Sesi Muzakarah tersebut ialah Menteri di Jabatan

Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti

Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap berserta ketua-ketua jabatan dan bahagian Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

>> Muka 3

Memperluaskan apresiasi seni, lahirkan bakat baharu

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan menganjurkan Peraduan Fotografi sempena Malam Gemilang UBD Drone Show dengan mengangkat tema 'Persembahan Dron dan Bunga Api di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Persembahan Bunga Api di Jerudong Park Garden'.

>> Muka 7

Raih ganjaran besar Ramadan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang sangat istimewa dengan tawaran dan ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap detik sepanjang bulan Ramadan adalah sebaik-baik masa untuk memperbanyakkan amal ibadah.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya : "Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, akan diampunkan dosanya yang telah lalu". (Riwayat Al-Bukhari).

Hadis ini menjelaskan kelebihan menghidupkan bulan Ramadan, namun keampunan dosa yang dijanjikan itu terikat dengan syarat keimanan dan syarat mengharap pahalanya.

Demikian antara inti pati tazkirah disampaikan oleh Imam Tingkat III, Masjid

Kampung Danau, Tutong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Abdul Hadi bin Abd. Rahman dari Masjid Kampung Penanjong, Tutong bagi menyerikan Program Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-217 yang diadakan baru-baru ini.

Menurut Awang Abdul Hadi lagi, dengan keimanan bermaksud mempercayai janji Allah Subhanahu Wata'ala, keutamaan Qiyam dan meyakini besarnya ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala tambah beliau, mengharap pahalanya bermaksud mengharap ganjaran dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak melakukannya dengan riyak, pujian atau sanjungan manusia.

>> Muka 4



SAMBUTAN Israk Mikraj terus disemarakan

Muka 7



PENGLIBATAN belia penting sebagai generasi penerus pertanian di NBD

Muka 20

Bincang isu berkeutamaan negara demi menjamin kesejahteraan rakyat, penduduk

BAHAGIAN 1

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil
'Alameen, Wasaalatu Wassalaamu 'Ala
Saidina Muhammadin Asyrafil Ambiaie
Walmursaleen,
Wa'alaah Aalihiee Wasahbihee
Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana mengizinkan kita dapat hadir bersama di Sesi Muzakarah pada pagi ini Selasa, 23 Rejab 1447 bersamaan 13 Januari 2026 yang awalnya dijadualkan pada hari Sabtu, 10 Januari 2026. Peramba, kaola, saya sukacita menjunjung kasih dan mengucapkan terima kasih, di atas keberangkatan dan kehadiran semua dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan taufik dan hidayah-Nya serta memberkati permuzakarahan kita pada hari ini, dalam usaha bersama membincangkan isu-isu berkeutamaan negara, demi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk dan memelihara kemakmuran negara yang berterusan. Pada kesempatan awal ini, mungkin tidak terlalu lambat bagi peramba, kaola, saya, walaupun kita sudah berada di minggu ke dua bulan Januari, untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026 Masihi.

Peramba, kaola, saya sukacita ingin mengimbas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2025 di mana baginda menyentuh mengenai usaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja yang merupakan wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak kerajaan dan rakyat di negara ini untuk membahaskan perkara-perkara utama, termasuk memberikan maklum balas terhadap setiap dasar kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak kesejahteraan rakyat.

Ke arah itu, baginda telah memperkenankan bagi perubahan terhadap kekerapan Persidangan MMN kepada dua kali setahun bermula tahun 2025, bertujuan untuk mengukuhkan lagi keberkesanan persidangan majlis melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan serta mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-ahli Yang Berhormat yang bekerjasama dengan kerajaan dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini. Dalam mendukung keberkesanan usaha tersebut, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menyambut lawatan dan menganjurkan sesi-sesi dialog bersama Ahli-ahli Yang Berhormat pada penghujung tahun lepas untuk mengongsikan perkembangan maklumat terkini serta mengenai pertukaran pandangan berkaitan dengan perkara-perkara dasar dan isu-isu strategik semasa. InsyaaAllah, permuzakarahan pada

hari ini merupakan suatu formaliti penting dan peluang untuk menyambung pertukaran pandangan secara konstruktif, seterusnya memperkukuh dan meningkatkan tahap perancangan dan pelaksanaan pelbagai usaha Kerajaan merentas bidang-bidang strategik dan berkepentingan.

Peramba, kaola, saya dan rakan sejawat Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sukacita akan mengongsikan perkembangan terkini, termasuklah berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai inisiatif-inisiatif JPM, khususnya mengenai, Wawasan Brunei 2035, Pembangunan tenaga manusia dan pekerjaan, sekuriti dan undang-undang, tadbir urus dan Perkhidmatan Awam dan sektor tenaga.

Di sepanjang tahun 2025, Jawatankuasa Keselamatan Negara dan agensi-agensi di bawah Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang di JPM telah mengukuhkan pelbagai usaha untuk memelihara keselamatan negara dan kedaulatan undang-undang sambil memperkukuh akses kepada keadilan.

Menyentuh mengenai isu kadar jenayah, jumlah kes jenayah pada tahun 2025 masih dalam kadar yang rendah sebanyak 564 kes bagi setiap 100,000 penduduk, berdasarkan piawaian antarabangsa, khususnya berbanding Negara-negara ASEAN yang lain.

Walaupun kadar jenayah di negara ini masih dinilai terkawal, Jawatankuasa Keselamatan Negara bersama agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di negara ini, tidak akan kendur-kendur dalam usaha untuk memberantas kegiatan jenayah dan salah



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa berucap pada Sesi Muzakarah Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Selasa, 13 Januari 2026 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, West Wing, Aras 1 Jabatan Perdana Menteri.

laku secara bersatu padu melalui pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government.

Seterusnya memandangkan agensi-agensi keselamatan di bawah JPM dinilai sebagai agensi-agensi tertutup, maka peramba, kaola, saya akan mengongsikan secara ringkas sahaja mengenai langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkasakan lagi keupayaan mereka dalam menangani trend-trend jenayah yang semakin kompleks dan mencabar.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	ISNIN	14	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	SELASA	15	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	RABU	16	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
5	KHAMIS	17	5.06	5.16	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	JUMAAT	18	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	SABTU	19	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	AHAD	20	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	32 25 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	32 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	32 25 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	32 25 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 2 FEBRUARI 2026

Pengukuhan akidah, akhlak tunjang keharmonian masyarakat

TERCETUSNYA sebuah keluarga yang harmoni adalah menerusi pembentukan akidah dan akhlak yang disemai dan ditanam dalam diri ibu bapa dan anak-anak. Ini termasuk pembentukan sahsiah dalam membimbing sikap, tutur kata dan tindakan setiap ahli keluarga.

Pengukuhan keharmonian sebuah keluarga juga terserlah melalui amalan ibadah yang dipupuk bersama. Sembahyang berjemaah, doa serta budaya saling menasihati dalam kebaikan mengeratkan hubungan rohani dan jasmani. Amalan ini menyuburkan rasa tenang, memperkukuh empati dan menghindarkan prasangka. Apabila hati terikat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, perbezaan pendapat tidak akan memburuk malahan disambut dengan adab dan toleransi.

Kesempurnaan akidah melahirkan rasa tanggungjawab yang tinggi dalam diri ibu bapa dan anak-anak. Ibu bapa memahami amanah mendidik sebagai ibadah, manakala anak-anak menghormati dan mentaati sebagai tuntutan agama. Prinsip ini membentuk hubungan yang saling menghargai, bukan berasaskan paksaan tetapi atas kesedaran iman. Dalam suasana sebegini, konflik dapat ditangani dengan hikmah kerana setiap pihak kembali kepada nilai sabar, adil dan kasih sayang.

Usaha memantapkan akidah perlu digerakkan secara berterusan melalui pendidikan, teladan dan amalan seharian agar keluarga kekal sejahtera, seterusnya melahirkan masyarakat yang harmoni dan berakhlak mulia.

Secara keseluruhannya, keluarga harmoni akan mewujudkan sebuah masyarakat yang utuh dan saling berganding bahu dalam semua aspek kehidupan.

Keharmonian keluarga juga mengukuhkan perpaduan sosial. Ahli keluarga yang dibiasakan dengan sikap bertolak ansur dan bekerjasama akan mengamalkan nilai yang sama dalam kehidupan bermasyarakat. Ini membantu mewujudkan masyarakat yang saling membantu, prihatin dan bersatu padu tanpa mengira latar belakang.

Ia juga bertindak sebagai benteng awal mencegah masalah sosial. Rumah yang aman menjadi tempat perlindungan daripada pengaruh negatif Apabila keluarga berfungsi dengan baik, beban institusi sosial dan penguatkuasaan undang-undang turut berkurangan.

Oleh itu, kita sebagai masyarakat yang beradab haruslah menitik beratkan peranan elemen harmoni dalam keluarga kerana ia memberi impak yang positif dalam masyarakat secara amnya dan ini mewujudkan sebuah komuniti masyarakat yang sejahtera, aman dan damai. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Malaysia

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan DPMM FC lebih banyak mencipta peluang untuk menggegarkan

gawang pasukan lawan dan ligat menguasai permainan sehinggalah pada minit ke-27, hasil sepakan Muhammad Syafiq Ahmad berjaya menjaringkan gol.

Namun pada babak kedua pula, perlawanan menyaksikan Melaka FC lebih menguasai permainan dan pada minit ke-99, Ahmed Ayman Shamsaldin Abdalazem berjaya menyamakan kedudukan dengan jaringan gol buat pasukan berkenaan.

Pengurus DPMM FC, Jamie

McAllister semasa berucap pada Sidang Media yang berlangsung selepas perlawanan berkata bahawa DPMM FC menunjukkan semangat dan ketahanan yang baik daripada para pemain lebih-lebih lagi pada separuh masa pertama.

Pada perlawanan seterusnya, DPMM FC akan menentang Kuala Lumpur City FC pada 22 Februari 2026, pukul 10.00 malam. Sementara itu, DPMM FC berada di kedudukan ke-7 dengan kutipan 18 mata, manakala Melaka FC kekal di kedudukan ke-12 dengan kutipan 10 mata.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



ORANG ramai yang hadir bagi menyaksikan perlawanan tersebut (atas), manakala gambar kanan, antara aksi yang menarik semasa perlawanan tersebut.



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI ADAKAN SESI MUZAKARAH

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



>> Muka 1

Manakala rombongan daripada Ahli MMN telah diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, yang mana juga telah menyampaikan ucapan balas semasa permu zakaran tersebut.

Sesi Muzakarah tersebut merupakan sebuah platform perbincangan serta

bertukar-tukar pandangan dan pengetahuan secara konstruktif yang merangkumi pelbagai aspek, antaranya landskap ekonomi global dan domestik; strategi pengurusan fiskal melalui pelaksanaan Program Fiscal Consolidation (FCP) dan pengkorporatan.

Selain itu, ia juga platform dalam membincangkan dan memberikan pengetahuan dalam usaha transformasi ekonomi melalui Brunei Darussalam Economic Blueprint; tadbir urus kewangan; memperkukuh ekonomi perdagangan dan industri tempatan serta pengukuhan hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa.

Dalam pada masa yang sama, Yang Berhormat turut menekankan kepentingan perpaduan dan kerjasama semua pihak termasuk sektor kerajaan, sektor swasta dan masyarakat melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation untuk sama-sama berganding bahu ke arah mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada Sesi Muzakarah bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan (atas kiri dan atas).

>> Muka 1

Dalam menyambut bulan Ramadan ujanya lagi, tiga niat dan azam perlu disemai iaitu pertama, kita hendaklah menzahirkan kegembiraan atas kedatangan bulan Ramadan dan kedua, hendaklah memperbanyakkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana masih diberi kesempatan untuk bertemu bulan Ramadan yang mulia ini serta ketiga, memperbetulkan niat agar setiap ibadah dilakukan dengan penuh keikhlasan.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Atur cara Program Malam Munajat tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 3 Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim dari Masjid Mohamed Bolkih, Kampung Serusop, diikuti dengan bacaan Surah Al-Waq'ah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim dari Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan, Seria, Belait.

Doa Munajat dibacakan oleh Pemangku Pegawai Pemantau

Zon 2 Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Mohammad Zahid Zakwan bin Haji Said, dari Masjid Kampung Bengkurong.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah oleh Ahli-ahli Kumpulan Belia Masjid Ashabul Halim dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok. Kemudian, Doa Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat III, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Norezam bin Haji Zaini dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Turut hadir secara maya, Ahli Jawatankuasa Takmir dan para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu yang mengikuti program ini dari kediaman masing-masing.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam

Raih ganjaran besar Ramadan



TURUT hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan Doa Munajat yang

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta

dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheu>.

PAMERAN SEDIAKAN PLATFORM PENDIDIKAN, PENCEGAHAN JENAYAH



TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris berangkat pada majlis pelancaran tersebut (atas) manakala gambar bawah, antara yang dipamerkan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Bersempena Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan Majlis Pelancaran Pameran selama dua hari bermula 31 Januari 2026 bertempat di Stadium Hassanal

Bolkiah Polis, Gadong, menandakan permulaan rasmi salah satu rangkaian program sambutan bagi tahun 2026.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji

Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Turut hadir, para Pegawai Kanan PPDB, ketua-ketua formasi serta jemputan khas daripada pelbagai agensi berkepentingan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti ucapan alu-aluan oleh ACP Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah, selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun 2026.

Seterusnya, tetamu kehormat menyampaikan ucapan perasmian sebelum melancarkan pameran secara rasmi melalui tayangan video montaj Sambutan Hari Polis Ke-105.

Selepas majlis pelancaran, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin, seterusnya hadir menyaksikan persembahan padang dan demonstrasi secara langsung, sebelum membuat lawatan ke pameran bagi meninjau sendiri pengisian serta berinteraksi bersama warga PPDB dan agensi-agensinya yang terlibat.

Pameran yang berlangsung selama dua hari, bermula 31 Januari hingga hari ini, menampilkan pelbagai pengisian interaktif merangkumi pameran jabatan dan formasi PPDB, Persatuan Keluarga Polis Diraja Brunei (PEKERTI) serta penglibatan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang seperti Jabatan Penjara, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, di samping demonstrasi operasi kepolisan, pameran kenderaan serta kaunter penerangan dan kesedaran jenayah untuk orang ramai.

Antara tarikan utama majlis ialah persembahan padang dan demonstrasi yang melibatkan Pancaragam Polis, Pusat Latihan Polis, Pasukan Simpanan Polis

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami dan Ihsan Pasukan Polis Diraja Brunei



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei ketika menyaksikan pameran bersempena Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun (atas), manakala gambar bawah, antara yang dipamerkan semasa sambutan tersebut.



(RU) serta Pasukan Gerak Khas (PGK), yang mempamerkan keupayaan, kesiapsiagaan dan profesionalisme warga PPDB dalam mendepani cabaran keselamatan semasa.

Penganjuran pameran ini bukan sahaja bertujuan memperingati 105

Tahun Penubuhan PPDB, malah turut menjadi platform mendekati pasukan polis dengan masyarakat melalui pendekatan pendidikan, pencegahan jenayah dan perkongsian maklumat berkaitan keselamatan awam.



DOA KESYUKURAN SEMPERNA PENUBUHAN MUIB KE-70

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin

KAMPUNG KIARONG, Sabtu, 31 Januari. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) meraikan Jubli Platinum 70 Tahun usianya dengan pencapaian penting selama tujuh dekad sepanjang penubuhannya. Sehubungan itu, MUIB hari ini telah menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Kampung Kiarong sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sempena penubuhannya yang telah mencapai tempoh 70 tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman yang juga selaku Yang Dipertua MUIB seterusnya mengepalai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua MUIB; Ahli-ahli MUIB,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, Ahli Panel Penasihat Pelaburan Harta MUIB, para Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Badan Tanmiah Harta MUIB.

Majlis diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang dipimpin oleh Pemangku Setiausaha MUIB, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Kemudian Doa Kesyukuran sempena Penubuhan MUIB Ke-70 Tahun dibacakan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Ahli MUIB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah sebanyak tiga kali beramai-ramai dipimpin oleh



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Pegawai-pegawai Jabatan MUIB, KHEU dan Badan Tanmiah Harta MUIB.

Objektif penganjuran Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Penubuhan MUIB Ke-70 Tahun pada 1 Februari 1956 hingga 1 Februari 2026 antaranya adalah sebagai tanda kesyukuran di atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai ketua agama bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir dan bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Kepesatan perkembangan Ugama Islam di negara ini semakin menyerlah di mata dunia serta keteguhan beragama Islam yang sangat mantap.

Selain itu juga bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala untuk menjadikan MUIB, NBD terus istiqamah dalam menabur bakti dan kebaikan, memartabatkan syiar Islam, menjulang tinggi kepimpinan raja, serta berkhidmat kepada agama dan masyarakat seluruhnya serta segala usaha, sumbangan dan khidmat MUIB ini, diterima Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal soleh dan dikurniakan ganjaran yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.



ANTARA yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran berkenaan.

NBD terima pengiktirafan pada Anugerah Piawaian Pelancongan ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian
Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan

CEBU, REPUBLIK FILIPINA, Sabtu, 31 Januari. - Majlis Anugerah Piawaian Pelancongan ASEAN telah diadakan untuk mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada kecemerlangan dalam sektor pelancongan, dengan mengetengahkan pematuhan kepada piawaian kualiti, amalan lestari, dan pencapaian cemerlang oleh pertubuhan pelancongan sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan daya saing ASEAN sebagai destinasi berkualiti tinggi.

Majlis berkenaan telah diadakan di Bandar Cebu, Republik Filipina pada baru-baru ini bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN 2026.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyampaikan anugerah kepada penerima anugerah untuk NBD.

Di bawah Kategori ASEAN Green Hotel Award, Radisson Hotel Brunei Darussalam menerima pengiktirafan atas komitmennya terhadap amalan hospitaliti yang mampan.

Beberapa lokasi di NBD turut diberi penghormatan di bawah ASEAN MICE Venue Awards iaitu Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Mutiara Ballroom, Radisson Hotel Brunei Darussalam; dan Indera Samudra Grand Hall di The Empire Brunei telah menerima ASEAN MICE



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan anugerah kepada penerima anugerah untuk Negara Brunei Darussalam.

Venue Awards untuk kategori Bilik Mesyuarat.

Manakala, Indera Samudra Grand Hall di The Empire Brunei dan BRIDEX International Conference Centre pula menerima ASEAN MICE Venue Awards untuk kategori Exhibition Venue.

NBD turut menyerlah dalam bidang pelancongan lestari, apabila Mangrove River Safari oleh Freme Travel Services memenangi ASEAN Sustainable Tourism Award di bawah Tema dan Pakej Tarikan Pelancong Mesra Alam untuk Kategori Urban Product, manakala Explore Temburong dan Canopy Tower

pula menerima pengiktirafan di bawah tema Tarikan Pelancong Mesra Alam untuk Kategori Rural Product.

Anugerah berkenaan menunjukkan komitmen NBD dalam memberikan pengalaman berkualiti tinggi kepada pelawat antarabangsa sambil berusaha untuk meletakkan NBD sebagai destinasi pelancongan yang berkualiti tinggi dan menarik.

Usaha berkenaan selaras dengan Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan NBD 2024-2035, yang menyokong pertumbuhan, kemampanan dan daya saing jangka panjang sektor pelancongan negara.

كمنترين كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Sumbangkan Ribu Ribu

Bincang isu berkeutamaan negara demi menjamin kesejahteraan rakyat, penduduk

>> Muka 2

Pada tahun 2025, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah memperoleh sejumlah aset yang signifikan termasuk empat buah bot pemintas untuk mengukuhkan keupayaan pihak pasukan dalam menangani insiden-insiden keselamatan yang berlaku di kawasan perairan negara.

Pentausahaan bot pemintas yang dilengkapi dengan sistem navigasi dan komunikasi yang terkini telah membolehkan pihak pasukan untuk memberikan tahap respons yang lebih berkesan terhadap kegiatan-kegiatan jenayah merentas sempadan, termasuk aktiviti penyeludupan dan pencerobohan sempadan, dengan kerjasama agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang lain.

Seterusnya projek penyewaan atau *leasing* kenderaan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun ini bagi melengkapkan agensi-agensi keselamatan di bawah JPM dengan aset-aset yang diperlukan untuk mengukuhkan mobiliti agensi-agensi berkenaan dan kadar *response time* mereka terhadap sebarang insiden keselamatan di negara ini. Fasa pertama projek tersebut melibatkan penyewaan 534 buah kenderaan bagi kegunaan PPDB, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Biro Kawalan Narkotik (BKN). Projek ini juga akan dilartakan kepada agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang lain dalam masa yang terdekat.

Pada kesempatan ini, sukacita juga dikongsikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan beberapa pencapaian signifikan yang dicatatkan oleh agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di sepanjang tahun 2025 iaitu:

Pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan ASEAN terhadap usaha-usaha NBD melalui Jawatankuasa Kebangsaan Anti-Pemerdagangan Orang di JPM dalam memerangi jenayah Pemerdagangan Orang atau *Trafficking in Persons*. Alhamdulillah, pada tahun 2025 kedudukan negara telah dikeluarkan daripada Tier 3 dan seterusnya dinaiktaraf ke Tier 2 (*Watchlist*) di dalam U.S. *Trafficking in Persons Report* yang diterbitkan oleh kerajaan Amerika Syarikat.

Di samping itu, NBD juga telah mencatatkan dua pensabitan bagi kes *labour trafficking* yang melibatkan warga negara Republik Bangladesh yang telah dieksploitasi untuk bekerja di negara ini. Pensabitan kes-kes tersebut adalah kejayaan yang signifikan bagi NBD kerana menurut penilaian pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti United Nations Office on Drugs and Crime, jenayah *labour trafficking* merupakan salah satu kegiatan Pemerdagangan Orang yang dinilai sangat kompleks dan mencabar untuk ditangani khususnya dari aspek penyiasatan dan pendakwaan. Dengan adanya usaha-usaha dan pencapaian berterusan seperti ini, pihak Jawatankuasa Kebangsaan Anti-Pemerdagangan Orang telah menetapkan aspirasi bagi NBD untuk dinaik taraf ke kedudukan Tier 1 dalam U.S. *Trafficking in Persons Report* pada tahun 2026, insyaaAllah.

Seterusnya dari aspek pencegahan rasuah, The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRI) di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah menilai bahawa NBD beroleh kedudukan yang teratas berbanding negara-negara OIC yang lain khususnya dari aspek pembaikan pengawalan rasuah. Penilaian ini, yang berdasarkan World Governance Index yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada tahun 2024, melambangkan komitmen pihak Biro Mencegah Rasuah dalam menegakkan integriti dan prinsip tidak ada kompromi dalam menangani

jenayah rasuah di negara ini.

Menyentuh mengenai jenayah Penipuan Dalam Talian atau Online Scams, kegiatan jenayah Penipuan Dalam Talian telah diberi perhatian yang serius oleh Jawatankuasa Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Pada tahun 2025, pihak PPDB telah mencatatkan sebanyak 13 penangkapan bagi kes Penipuan Dalam Talian termasuk kes-kes mencabar yang melibatkan sindiket antarabangsa seperti 'Online Macau Scams'. Pihak Pasukan juga telah menubuhkan sebuah Pusat Talian Bantuan Anti-Penipuan atau Anti-Scam Helpline Centre untuk membantu orang ramai dalam menghadapi ancaman dari jenayah Penipuan Dalam Talian.

Penubuhan Pusat Talian tersebut merupakan kesinambungan dari inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini termasuk pelancaran platform ScamWatch dan Waspada.bn. InsyaaAllah, pihak Pasukan akan mengukuhkan lagi keupayaan dan kapasiti Pusat tersebut dalam memberikan skop perkhidmatan yang lebih komprehensif kepada orang ramai di masa akan datang.

Dari segi kerjasama antarabangsa dalam memerangi jenayah Online Scams, NBD telah menandatangani 'United Nations Convention Against Cybercrime' pada bulan Oktober 2025, iaitu satu perjanjian global yang penting bagi memperkukuhkan kerjasama antarabangsa dalam mencegah, menyasat dan mendakwa jenayah yang dilakukan melalui teknologi maklumat dan komunikasi. NBD juga sedang menerokai peluang untuk menyertai inisiatif 'ASEAN Anti-Scam Centre' di bawah rangka ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime.

Seterusnya, pihak BKN juga terus aktif dalam melaksanakan operasi-operasi bagi membanteras aktiviti Penyeludupan dan Penyalahgunaan Dadah Haram di negara ini. Pada tahun 2025, pihak BKN telah berjaya menumpaskan 12 rangkaian dan sindiket yang membawa kepada jumlah tangkapan sebanyak 160 orang.

Selain itu, melalui kerjasama strategik bersama Australia, Republik Singapura, New Zealand dan negara-negara lain, BKN turut menumpaskan sebuah rangkaian penyeludupan dadah antarabangsa yang melibatkan rampasan keseluruhan dadah sebanyak 110 kilogram dadah haram di beberapa buah negara, termasuk 49 kilogram yang dirampas di NBD.

Kejayaan ini mencerminkan komitmen berterusan pihak BKN dalam membanteras jenayah dadah secara menyeluruh dan tanpa kompromi. Seterusnya, dengan mengambil kira impak negatif dari kegiatan Penyeludupan dan Penyalahgunaan Dadah Haram terhadap seluruh lapisan masyarakat di negara ini, isu dadah juga telah dinaik taraf dan diberi perhatian di peringkat tertinggi melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Beralih kepada hal ehwal perundangan, pihak Mahkamah Syariah dan Sivil serta Pejabat Peguam Negara dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan yang lain telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan pelaksanaan undang-undang yang adil, telus dan berintegriti. Dalam perkara ini, dikongsikan pencapaian-pencapaian utama dalam hal ehwal perundangan di sepanjang tahun 2025, iaitu:

Dari aspek kemaslahatan orang ramai, dasar Spent Conviction telah mula dilaksanakan pada tahun 2025 bagi memberi peluang kedua kepada individu-individu berkelayakan yang mempunyai rekod jenayah silam untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat. Dasar ini dapat memberi kesan ke atas peluang pekerjaan, peluang mendapatkan kerakyatan dan dapat membantu

membangun sosioekonomi individu.

PPDB dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara adalah dalam fasa akhir bagi penguatkuasaan Spent Conviction. Setakat ini, terdapat lebih 8,000 kes melibatkan individu-individu yang mempunyai rekod jenayah telah dinilai berkelayakan untuk mendapatkan Spent Conviction, tertakluk kepada penilaian lanjut oleh Jawatankuasa yang berkenaan. Bagaimanapun, terdapat beberapa jawatan yang tidak dapat dibukakan bagi individu yang telah mendapat Spent Conviction termasuk anggota beruniform seperti tentera dan polis; dan anggota keselamatan bagi syarikat keselamatan persendirian.

Dari sudut yang lain, perlindungan kebajikan serta kepentingan terbaik kanak-kanak kekal sebagai keutamaan dalam memelihara kemaslahatan orang ramai. Bagi mendukung peranan aktif Pejabat Peguam Negara dan Mahkamah dalam perlindungan tersebut, 7 kes baharu melibatkan seramai 10 orang kanak-kanak dan 2 orang muda telah dirujuk kepada Mahkamah Juvenil bagi mendapatkan perintah perlindungan di bawah Children and Young Persons Act (Chapter 219) terhadap kanak-kanak dan golongan muda yang memerlukan perlindungan. Sejumlah 13 perintah perlindungan interim telah dipohon dan diberikan oleh Mahkamah Juvenil. Satu daripada kes berkenaan berjaya menetapkan perintah perlindungan muktamad.

Dari aspek pendakwaan dan pensabitan, sebanyak 304 kes pendakwaan telah dijalankan oleh Pejabat Peguam Negara bagi tempoh Januari hingga November 2025.

Daripada jumlah yang tersebut, hampir 90 peratus kes telah selesai dengan 100 peratus kadar sabitan. Pencapaian ini mencerminkan kecekapan sistem pendakwaan negara, kualiti penyiasatan dan penyediaan kes, serta pematuhan yang konsisten kepada prinsip keadilan dan proses yang wajar (*due process*), sekali gus memperkukuh keyakinan awam terhadap sistem keadilan jenayah.

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 60 kes rayuan jenayah telah dikendalikan. Bagi tertuduh yang telah disabit bersalah yang telah memfailkan rayuan selaras dengan hak rayuan yang diperuntukkan di bawah undang-undang, Mahkamah rayuan (iaitu sama ada Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan 'Court of Appeal') telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan dan seterusnya mengekalkan kebanyakan penghakiman mahkamah bawah, sama ada berhubung sabitan mahupun hukuman.

Keputusan-keputusan ini mencerminkan keteguhan proses kehakiman serta konsistensi penerapan undang-undang di semua peringkat mahkamah, yang merupakan elemen penting dalam mengekalkan kedaulatan undang-undang.

Secara keseluruhannya, keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan telah mengesahkan kewajaran dan ketepatan penghakiman di peringkat mahkamah bawah, selaras dengan hak tertuduh untuk mengemukakan rayuan sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang.

Seterusnya dikongsikan pencapaian-pencapaian di peringkat antarabangsa di sepanjang tahun 2025, termasuk: Pertama - pejabat Peguam Negara telah menandatangani ASEAN Extradition Treaty di mana penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam perjanjian ini memperkukuh kerjasama perundangan serantau dalam membanteras jenayah rentas sempadan, memastikan pesalah dibawa ke muka pengadilan, serta meningkatkan keberkesanan akses kepada keadilan di peringkat ASEAN.

Seterusnya, Pejabat Peguam Negara telah menandatangani Deklarasi Sanur Bali, yang secara rasminya menubuhkan Mesyuarat Pendakwa Raya / Peguam

Negara ASEAN (APAGM).

Penubuhan badan baharu ini akan memberi manfaat langsung kepada Pejabat Peguam Negara dengan memperluas jaringan kerjasama, mempertingkatkan perkongsian kepakaran dan amalan terbaik, serta mengukuhkan keupayaan institusi untuk memastikan keadilan dan melindungi kepentingan awam di Asia Tenggara.

Kedua - Pemeteraian Memorandum Persefahaman bersama badan-badan kehakiman luar negara, termasuk Mahkamah Agung Rakyat, Republik Rakyat China; The Judicial Branch of Peru; Mahkamah Persekutuan Malaysia; Mahkamah Besar Singapura dan Mahkamah Besar Hong Kong; dan

Ketiga - Sesi konsultasi mengenai kesihatan mental kanak-kanak dalam era digital yang dilaksanakan oleh ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR) Brunei Darussalam melalui Pejabat Undang-Undang, JPM yang melibatkan pihak berkepentingan di rantau ASEAN dan Australia bagi membincangkan isu-isu serta *way-forward* berhubung dengan perlindungan kesihatan mental kanak-kanak di era digital.

Selain daripada pencapaian dan inisiatif utama yang telah dikongsikan setakat ini, pelbagai langkah sokongan turut dilaksanakan sepanjang tahun 2025 bagi memperkukuh keseluruhan ekosistem perundangan negara serta meningkatkan kebolehpencapaian sistem keadilan kepada masyarakat.

Di antara pencapaian-pencapaian utama dalam memperkukuh Ekosistem Perundangan dan Kebolehpencapaian Keadilan termasuk Chief Justice's Practice Directions, Chief Registrar's Circulars, Probate Officers' Circulars dan Official Receiver's Circulars yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah Sivil sebagai panduan yang jelas bagi meningkatkan ketelusan proses-proses mahkamah dan memastikan keseragaman amalan di semua peringkat mahkamah.

Seterusnya, pihak Mahkamah Syariah telah menyediakan kemudahan prasarana dan platform yang lebih mesra pengguna bagi memudahkan orang ramai mendapatkan keadilan melalui khidmat Peguam Syarie berdaftar seperti sudut konsultasi Peguam Syarie serta kemudahan peti surat bagi firma guaman.

Mahkamah Syariah juga telah menetapkan seorang Hakim Syarie untuk bertugas secara tetap di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Temburong.

Sejajar dengan komitmen berterusan untuk memperkukuh pendidikan perundangan, pembangunan profesional serta kesedaran undang-undang dalam kalangan pengamal, penjawat awam dan masyarakat umum, pelbagai inisiatif bersepadu telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025 bagi mendukung ekosistem perundangan yang berdaya tahan, inklusif dan berintegriti termasuk Syarahan Umum (Public Lectures) yang dikendalikan oleh pihak Mahkamah Sivil; Program Kesedaran Undang-Undang yang dilaksanakan oleh Pejabat Peguam Negara dan Seminar Perundangan Tahunan dan Basic Advocacy Course yang dikendalikan oleh Pejabat Undang-Undang, JPM.

Pada kesimpulannya, pencapaian agensi-agensi di bawah Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang di sepanjang tahun 2025 telah menyumbang secara langsung kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035. InsyaaAllah, agensi-agensi berkenaan akan meneruskan momentum dari kejayaan-kejayaan yang dicatat pada tahun lalu untuk meningkatkan lagi pencapaian dan keberkesanan usaha-usaha mereka dalam memelihara keselamatan negara dan mendaulatkan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran yang aman, damai dan selamat bagi seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

MEMPERLUASKAN APRESIASI SENI, LAHIRKAN BAKAT BAHARU

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hasif Matzin



bakat baharu yang berpotensi diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah bagi para pemenang peraduan tersebut diadakan di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderamata serta sijil penghargaan kepada para pemenang, panel hakim dan rakan korporat (penaja) ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Peraduan Fotografi ini diadakan antara lain bertujuan untuk mendukung visi dan misi DBP; menggalakkan masyarakat mengembangkan minat dalam bidang fotografi dan penulisan; memperkasa potensi dan kemahiran masyarakat dalam bidang fotografi dan penulisan; serta melahirkan dan mengangkat karya seni fotografi serta penulisan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi para pemenang peraduan tersebut diadakan di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.

UCAPAN alu-aluan daripada Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

>> Muka 1

Pengungkayahan peraduan ini merupakan salah satu platform kreatif yang menyediakan peluang kepada individu untuk mengekspresikan pandangan dan emosi melalui medium visual dan penulisan, seterusnya memperluas apresiasi seni serta melahirkan

terbaik di negara ini.

Johan bagi Kategori 'A' (Umum) ialah Awang Mohammad Suffri bin Awang Osman; naib johan, Dayang Nurin Nabilah binti Ismail; dan pemenang tempat ketiga, Awang Ahmad Faisaldin bin Haji Awang Tuah.

Manakala johan bagi Kategori 'B' (Sajak Potret) ialah Awang Nurhazmie bin Haji Razali; naib

johan, Dayang Siti Nur Azra Basyirah binti Alias; dan tempat ketiga, Dayang Siti Radiah binti Haji Ahim.

Terdahulu, majlis diisikan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, selaku Timbalan Pengerusi dan Setiausaha Majlis.

Seterusnya diikuti dengan

penyampaian hadiah, cenderamata serta sijil penghargaan kepada para pemenang, panel hakim dan rakan korporat.

Pameran Peraduan Fotografi Sempena Malam Gemilang UBD Drone Show pula akan diadakan di Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja bermula 2 hingga 8 Februari 2026.

Kolaborasi memacu penyelidikan berimpak tinggi

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Satu pencapaian bermakna dalam mengukuhkan kolaborasi strategik antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengukuhkan kolaborasi strategik dengan penandatanganan Memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Antarabangsa UNITAR, Malaysia berlangsung di Kampus Gadong, UNISSA, baru-baru ini.

Menandatangani bagi pihak UNITAR ialah Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Sri Profesor Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar selaku Naib Canselor; dan Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bagi pihak UNISSA.

Kolaborasi ini bakal memacu

penyelidikan berimpak tinggi menerusi sinergi kepakaran tenaga pakar dalam membangunkan program inovatif berasaskan nilai Islam termasuk Kecerdasan Buatan (AI).

Inisiatif ini dijangka memberi manfaat menyeluruh terhadap kualiti akademik, kecemerlangan penyelidikan, dan hubungan strategik dengan industri serta komuniti.

Sebelumnya, Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (C4L), UNISSA telah menganjurkan Bengkel Kepimpinan Universiti yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Sri Profesor Ir. Dr. Sahol Hamid dengan tajuk 'Leadership in

Organizations : Driving performand through trust, transparency, emotional and artificial intelligence'.

Manakala, pada sesi petang, Yang Berbahagia Profesor telah menyampaikan bengkel dengan tajuk 'Artificial Intelligence (AI) in Higher Education : A new paradigm' berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkihah dihadiri oleh pegawai-pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai utama, UNISSA.

MENANDATANGANI bagi pihak UNITAR ialah Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Sri Profesor Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar selaku Naib Canselor; dan Rektor UNISSA bagi pihak UNISSA.



Sambutan Israk Mikraj terus disemarakkan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat semasa hadir mendengarkan ceramah bertajuk 'Peristiwa Israk Mikraj' (kanan dan kiri).

Mikraj Tahun 1447 Hijrah/2026 Masihi bertempat di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid As-Salaam, Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim.

Selepas itu diikuti dengan ceramah bertajuk 'Peristiwa Israk



Mikraj' yang disampaikan oleh Penceramah Undangan, Awang Aiffin bin Haji Amit.

Dalam ceramahnya menyatakan Israk Mikraj berlaku pada bulan Rejab, oleh itu, Allah Subhanahu Wata'ala menyeru umat Islam supaya melihat apa perkembangan Islam dan menghidupkan cinta kita

kepada-Nya.

Sempena satu tahun penubuhan Masjid As-Salaam, MPK Junjongan buat kali keduanya turut menganjurkan Tamu As-Salaam yang diadakan di Kawasan Letak Kereta Masjid As-Salaam.

Sebanyak 40 pembekal (vendor) jualan-jualan seperti makanan dan

minuman, produk-produk MPK Junjongan dan lainnya menyertai jualan tersebut yang berakhir pada sebelah petang.

Juga hadir, Ketua Kampung Junjongan, Awang Haji Tamam@Haji Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang dan penduduk kampung.

JUNJONGAN, Ahad, 1 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan dan Ahli Majlis Perundingan Kampung Junjongan hari ini mengadakan Majlis Israk dan

SEMBAHYANG TUNJANG PEMBENTUKAN JATI DIRI, AKHLAK INSAN BERKUALITI

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Keagamaan dan Takmir Surau, Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Juga hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan

kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Exco Unit Keagamaan dan Takmir Surau, Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA, Awang Mohd. Hamiz Mirza bin Haji Sudirman.

Sambutan berkenaan kemudian disemarakkan lagi dengan sebuah forum khas yang bertemakan 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang'.

Forum disampaikan oleh dua ahli panel, iaitu Awang Ahmad

Danieel bin Abdul Haniff, pelajar Tahun 2 daripada Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanah Bolkiah; dan Awang Muhd. Saiful Amin bin Rosli, pelajar Tahun 2 daripada Fakulti Usuluddin. Manakala Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf, pelajar Tahun 2 daripada Fakulti Teknologi Islam pula selaku Moderator.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada forum berkenaan ialah sembahyang bukan sekadar memenuhi tuntutan ibadah, malah menjadi tunjang pembentukan jati diri dan akhlak insan yang berkualiti.

Amalan sembahyang mendidik individu agar berdisiplin, ikhlas dan bertanggungjawab di samping mengukuhkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Kesannya, sembahyang melahirkan peribadi yang seimbang dari segi rohani, emosi dan intelektual.

Modal insan yang menjadikan sembahyang sebagai asas kehidupan akan memiliki integriti dan etika yang tinggi serta berkeupayaan menyumbang kepada pembangunan masyarakat, agama dan negara.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah bagi memperingati peristiwa agung perjalanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa sebagai salah satu tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Penyampaian sijil dan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar bawah, antara inti pati yang dapat diambil daripada forum berkenaan ialah sembahyang bukan sekadar memenuhi tuntutan ibadah, malah menjadi tunjang pembentukan jati diri dan akhlak insan yang berkualiti.

cenderamata kepada ahli panel disempurnakan oleh tetamu dan moderator forum kehormat majlis.



Fasa pemulihan bekalan air giat dilaksanakan

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Pengemaskinian kerja-kerja pembaikan paip utama di Kampung Batang Mitus setakat, 1 Februari 2026 di mana kerja-kerja penyambungan paip utama telah selesai dilaksanakan.

Dan untuk seterusnya, kerja-kerja ujian dan pentauliah akan dilaksanakan sebelum pam di Loji Rawatan beroperasi semula untuk mengisi paip utama dan tangki-tangki utama yang lain.

Proses yang disebutkan tadi, dianggarkan untuk mengambil masa sekitar 8 hingga 12 jam sebelum bekalan air dapat dipulihkan secara berperingkat. Sehubungan itu, fasa pemulihan bekalan air ke kawasan-kawasan Daerah Brunei dan Muara telah giat dilaksanakan.

Pengagihan bekalan air daripada tangki-tangki lain masih diteruskan dan disegerakan manakala kerja-kerja *flushing* di lokasi-lokasi yang dikenal pasti telah dilaksanakan.

Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Kementerian Pembangunan bahawa beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara telah pun menerima bekalan air seperti kawasan Berakas, Lambak Kanan, Jalan Pasir Berakas, Kampung Serusop, Kampung Bunut, Kampung Telanai, Kampung Tungku, Kampung Beribi, Kampung Junjongan, Kampung Masin, Kampung Bebatik Kilanas, Kampung Mulaut, Kampung Pangkalan Batu, kawasan Kampung Rimba, Kampung Gadong dan Kampung Katok.

Jabatan Kerja Raya (JKR) menyarankan orang ramai yang mempunyai tangki persendirian untuk melaksanakan kerja-kerja 'flushing' bagi memastikan ia sentiasa dalam keadaan yang bersih.

Dalam masa yang sama, JKR dengan kerjasama agensi-agensinya kerajaan yang lain seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat telah pun melaksanakan kerja-kerja *flushing* di lokasi-lokasi yang dikenal pasti bagi menstabilkan tekanan dan memastikan kualiti air sistem aliran berada dalam tahap yang memuaskan.

Kementerian Pembangunan ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama agensi-agensinya yang turut sama berganding usaha khususnya Kementerian Pertahanan, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, para sukarelawan daripada Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Persatuan Bulan Sabit Merah, Laksamana College Brunei yang turut menyumbangkan tenaga, rakyat dan penduduk, pihak swasta dan kemasyarakatan serta para petugas di lapangan.

Kementerian Pembangunan juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada orang ramai atas sokongan dan kesabaran yang berterusan serta kerjasama dalam menyebarkan maklumat yang dikeluarkan secara rasmi oleh kementerian berkenaan. Kerjasama dan sokongan daripada semua pihak amatlah dihargai dan mencerminkan semangat perpaduan dalam menghadapi situasi ini bersama-sama. JKR juga memaklumkan Pusat Penerimaan Bantuan bagi kakitangan yang terlibat di lapangan kini ditutup.



KERJA-kerja flushing di lokasi-lokasi yang dikenal pasti telah dilaksanakan.

Memperkasa pengurusan jenazah melalui ilmu, kemahiran, perkongsian komuniti



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat pada Bengkel Pengurusan Jenazah Ke-23.

■ **Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami**

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Ar-Razaq Kifayah Management hari ini telah membuka tirai tahun 2026 dengan penganjuran Bengkel Pengurusan Jenazah Ke-23 yang bertemakan 'Pakaian di Alam Barzakh' bertempat di Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong.

Bengkel berkenaan merupakan anjuran bersama Ar-Razaq Kifayah Management, Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai pelaksanaan fardu kifayah khususnya dalam aspek pengurusan jenazah, serta mempersiapkan individu

agar mampu menjalankan tanggungjawab tersebut apabila diperlukan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendidik peserta supaya sentiasa mengingati kematian sebagai satu kepastian dalam kehidupan setiap insan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian bengkel berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Seramai 60 peserta telah menyertai bengkel ini yang dikendalikan oleh Awang Asmyah bin Haji Ahmad bersama beberapa pengurus daripada Ar-Razaq Kifayah Management serta dibantu oleh kakitangan wanita dari Unit

Tanah-tanah Perkuburan Islam Brunei bagi sesi pengurusan jenazah wanita.

Menurut pihak penganjur, bengkel ini bukan sahaja memfokuskan kepada aspek teknikal dan praktikal, malah turut menekankan penghayatan rohani agar peserta lebih memahami hakikat kehidupan dan persediaan menuju alam akhirat.

Penganjuran bengkel seumpama ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai individu yang berilmu dan berkemahiran dalam pengurusan jenazah serta menjadi pemangkin kepada perkongsian ilmu dalam masyarakat, seterusnya memastikan pengurusan jenazah di negara ini terus dilaksanakan dengan tersusun dan berlandaskan syariat Islam.

28 PESERTA PROGRAM INDUKSI TENAGA PENGAJAR BAHARU TERIMA SIJIL



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik hari ini mengadakan Majlis Penutup Program Induksi Tenaga Pengajar Baharu Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr.

Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Majlis dimulakan dengan ucapan majlis penutup program yang disampaikan oleh Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu Tahun 2026.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada wakil peserta



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan sijil (atas kiri), manakala gambar atas kanan, pembacaan Ikrar Guru secara beramai-ramai yang diketuai oleh salah seorang peserta program, Awang Mohammad Syafiq bin Haji Awang Mohamad Sofian.

program, Dayang Fakhriah Nabillah binti Muhammad Lutfi, diikuti dengan pembacaan Ikrar Guru secara beramai-ramai yang diketuai oleh salah seorang peserta program, Awang Mohammad Syafiq bin Haji Awang Mohamad Sofian.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan oleh

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Arifah Mohammad Aliwaridi

tetamu kehormat majlis kepada 28 peserta program induksi berkenaan serta penyampaian cenderamata dan sijil penghargaan kepada penyampai-penyampai taklimat dan fasilitator yang terdiri daripada 22 buah jabatan di Kementerian Pendidikan serta agensi-agensi

kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat di sepanjang program berkenaan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan

Penyambungan paip siap dilaksanakan

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Tangkap Layar RTB

TUTONG, Sabtu, 31 Januari. – Gangguan bekalan air akibat tanah susur yang berlaku di Kampung Batang Mitus pada 29 Januari lalu telah menjejaskan beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Jabatan Air di mana sejurus kejadian tersebut pihak berkenaan terus aktif melaksanakan kerja-kerja segera pembaikan paip utama tersebut.

Sehubungan itu, perkembangan terkini mengenai pelaksanaan penyambungan paip di Kampung Batang Mitus di mana penyambungan paip-paip utama di kawasan tersebut yang terputus berikutan kejadian tanah susur telah siap dilaksanakan iaitu lebih

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan semasa berada di tapak tersebut.

awal daripada jangkaan.

Menurut Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak yang berada di tapak tersebut, hari ini, bahawa langkah seterusnya adalah untuk mengaktifkan pembekalan air daripada loji rawatan di Bukit Barun, Peringkat 4 dan 5 ke tangki-tangki yang terjejas di Daerah Brunei dan Muara.

“Proses ini akan mengambil masa untuk mengisi tangki-tangki yang terjejas dan berpandukan kepada keadaan tahap paras air dalam setiap tangki berkenaan. Sebahagian kawasan akan



menerima bekalan air lebih awal manakala usaha akan diteruskan bagi mencapai kestabilan bekalan air sepenuhnya di kawasan-kawasan lain yang terjejas. Dan dalam hal ini, perkhidmatan *tanker* air dan tangki biru diteruskan sehinggalah bekalan air pulih sepenuhnya.

“Kementerian Pembangunan ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama agensi-agensi yang turut sama berganding bahu dan usaha seperti Kementerian Pertahanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, para sukarelawan yang turut menyumbangkan tenaga dan orang ramai serta syarikat-syarikat, persatuan seperti KFC, Persatuan Sukarelawan, Kebajikan dan Kemasyarakatan, Sato Pabo yang menghulurkan sumbangan makanan dan air kepada petugas-petugas di lapangan.

“Dan juga ini termasuk doa-doa *abiskita*, supaya segalanya dipermudahkan dan berjalan dengan lancar. Kerjasama, keprihatinan dan sokongan daripada kesemua pihak sangatlah dihargai dan mencerminkan semangat perpaduan dalam menghadapi situasi ini bersama-sama,” tambah Dr. Nor Imtihan lagi.

Peluang sertai Kempen Derma Darah

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Isnin 2 Februari 2026 8.30 pagi – 11.30 pagi	Tingkat 1, Perpustakaan Sekolah Menengah Masin, Kampung Masin
Rabu 4 Februari 2026 9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.00 petang hingga 3.00 petang	Ruang Legar, Bangunan Tambahan, PAPRSB Institute of Health Sciences, Universiti Brunei Darussalam
Khamis 5 Februari 2026 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Dewan Persidangan Kuala Belait, Jalan Pretty, Kuala Belait Sempena Hari Polis Ke-105 Tahun
Sabtu 7 Februari 2026 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Tingkat Satu, One City Shopping Centre Anjuran The Lions Club of Bandar Seri Begawan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah di beberapa lokasi dan tarikh-tarikh yang dipilih.

Kempen-kempen tersebut akan diadakan pada Isnin, 2 Februari 2026 di Tingkat 1, Perpustakaan Sekolah Menengah Masin, Kampung Masin bermula pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Manakala pada Rabu, 4 Februari 2026, Kempen Derma Darah akan diadakan di Ruang Legar, Bangunan Tambahan, PAPRSB Institute of Health Sciences, Universiti Brunei Darussalam bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula pada pukul 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Kempen Derma Darah juga akan diadakan di Dewan Persidangan Kuala Belait, Jalan Pretty, Kuala Belait bersempena dengan Hari Polis Ke-105 Tahun pada Khamis, 5 Februari 2026 bermula pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang dan pada Sabtu, 7 Februari 2026 di Tingkat Satu, OneCity Shopping Centre Anjuran The Lions Club of Bandar Seri Begawan bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula pukul 8.00 hingga 11.30 pagi dan pukul 1.30 hingga 4.00 petang. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.



Khatam Al-Quran sempena ulang tahun pembinaan masjid

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PENAUNG Masjid An-Na'im, Yang dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran (atas dan atas kanan).

PANCHOR MENGKUBAU, Ahad, 1 Februari. - Masjid An-Na'im yang terletak di Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau di Mukim Mentiri meraikan sambutan ulang tahun penubuhannya bagi tahun pertama.

Justeru, bersempena sambutan tersebut, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran berlangsung di masjid berkenaan, hari ini.

Seramai 86 peserta yang terdiri daripada 50 lelaki, 22 perempuan dan 14 beliawanis diraikan berikutan kejayaan mereka

membaca 30 Juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penaung Masjid An-Na'im, Yang dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab, Surah Al-Fatihah oleh Yang dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad, diikuti bacaan khatam oleh para peserta yang diketuai oleh Awang Haji Morni bin Haji Basri@Haji Sere.

Sementara bacaan Takhtim

diucapkan oleh Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid An-Na'im diketuai oleh Mohammad Faris Aminuddin bin Othman. Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban dan juga penyampaian sijil kepada para peserta dan ditutup dengan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Acara berkebjakan ini setentunya diharap agar dapat mendidik terutama sekali golongan muda untuk terus berdamping dengan Al-Quran dan juga mengagungkan dengan pembacaan kitab suci Allah itu sebagai amalan seharian untuk terus meraih ganjaran pahala berlipat ganda.



SEMBAHYANG BERPERANAN SEBAGAI MEKANISME PENYUCIAN JIWA



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Sembahyang memainkan peranan teras dalam membina dan mengekalkan kemampuan psikospiritual, di samping berfungsi sebagai hubungan langsung antara hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sembahyang bukan sahaja suatu kewajipan ibadah, bahkan turut berperanan sebagai mekanisme penyucian jiwa dan terapi menyeluruh yang merangkumi aspek minda, emosi

dan roh.

Sembahyang yang dipelihara secara istiqamah mampu membentuk kesedaran muraqabah, menenangkan hati serta memperkukuh daya tahan dalaman seseorang.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim semasa menyampaikan tazkirah sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj

1447 Hijrah yang berlangsung petang tadi di Dewan Tarbiah, KUPU SB, anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar.

Dalam tazkirah bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang : Kemampuan Psikospiritual Sebagai Modal Teras Pendidik', Awang Hilman seterusnya menegaskan bahawa sembahyang merupakan asas penting dalam pembinaan psikospiritual yang mampan bagi melahirkan pendidik dan insan



PEMANGKU Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha selaku tetamu kehormat hadir pada majlis berkenaan (kiri), manakala gambar atas, sekitar majlis tersebut.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

yang sejahtera, berdaya tahan serta berakhlak mulia.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, para pegawai eksekutif, pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi kolej universiti

berkenaan.

Majlis berkenaan diadakan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj 1447H, di samping menghayati peristiwa agung perjalanan Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sarat dengan teladan serta pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.

سوره رومي

كواجيفن معقضاء فواسا

فرلو دكتهوي، بهاوا فربواتن مليغه-ليغهنك قضاء فواسا تنقا كعدورن سهيغك داتغ رمضان يغ برايكوتن مك دواجبكن كاتسن معقضاء فواسا ترسبوت دان ممباير فدية. جك دي تيدق معقضاءن جوك سهيغك داتغ لاكي رمضان يغ ستروسن، مك دواجبكن كاتسن ممباير فدية دوا كالي كندا باكي ستياث هاري فواسا يغ دتبعكلكن. اين برارتي دي واجب معقضاء ساتو هاري فواسا برسرتا فدية دوا جوق برس. فدية ايت اكن تروس بر كندا تري تاهون كناهون سلاكي دي بلوم هاييس ميمفورناكن قضاء فواسان. اكن تنافي قضاء فواسان ايت تيدقله بر كندا سباكيما فدية.

اخيرن، ماريله كيت سام-سام ستياث برأوسها مفرتيغككن عمل عبادت دان عمل كياجيفن دبولن شعبان يغ موليا اين سمات-مات اوتنوق منداقتن بر كة، رحمة دان كامقونن درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رَبِّ الْعَالَمِينَ.

(ماس يغ دواجبكن كامو بر فواسا ايت ايله فد) بولن رمضان يغ دتورونكن فدان القرآن سباكاي فتونجوق كقد مانسي دان سباكاي كزغن-كزغن يغ منجلكن فتونجوق ايت دان منجلكن فريضان انتارا يغ بر دغن يغ ساله. اوليه ايت سسياف انتارا كامو يغ براد دالم بولن ايت دان ميسكيك اتي بولن رمضان (اتاو مغهوين) مك هندقله دي بر فواسا، دان سسياف يغ ساكيت اتاو سدغ دالم فرجالن (اتاو فلايرن دالم بولن رمضان ايت بوليله دي بربوك) مك واجيله دي بر فواسا فد هاري-هاري يغ لاي (سباكاي كني فواسا يغ دتبعكلكن ايت). الله مغهندي كامو برأوليه كامودهن دان تيدق مغهندي كامو منغكغ كسوسهن. هندقله كامو منجوكوفكن ييلغن (فواسا رمضان) ايت دان مفاكوغكن الله كران مندافت فتونجوقن دان سوفاي كامو برشكور. { سورة البقرة آية: ١٨٥ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاتِيَةِ.

ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ الْإِنْسَانُ عَنْهُ رَبِّنَّ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأُحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَانِعُهُ.

مقصودن: ايت اداله بولن يغ مان ماني سريغ لالاي اكنن ياي بولن يغ براد داتارا رجب دان رمضان. بولن ترسبوت اداله بولن-بولن يغ داغكت عملن-عملن كقد توهن سمستا عام، مك اكو سو ككيت عملكو داغكت دالم كادان اكو سدغ بر فواسا. { حديث رواية النسائي }

اوليه يغ دمكين، اقبيل تيبا ساج بولن شعبان، انتارا فركارا يغ سريغ كالي ترجادي ايله سستغه انديويديو يغ ماسيه برهوتغ فواسا اكن بر ككس-ككس اوتنوق معقضاء فواسا مريك دبولن اين. جوسزو، سكيران كيت ماسيه مقويي فواسا رمضان يغ بلوم لاكي دقضاء، مك قضاءله هوتغ-هوتغ فواسا ايت سمس كيت ماسيه مقو، صيحت دان برتاك سيلوم تيبان بولن رمضان.

جماعه يغ درحمي الله،

سسوغكوهن فواسا رمضان يغ دتبعكلكن اداله واجب دقضاء سابق هاري يغ دتبعكلكن ايت. كواجيفن معقضاء فواسا ايت تيدق كيرا سام اد فواسا ايت دتبعكلكن دغن سجاج اتاوفون كران كعدورن كجوالي اورغ-اورغ يغ بنر-بنر تيدق برداي مفرجاكن سترتي اورغ ساكيت يغ تيدق اد هارن اوتنوق سمبو. مك مريك اين تيدق دواجبكن معقضاء فواسا يغ دتبعكلكن ايت، اكن تنافي واجب ممباير فدية سباكاي كني فواسا يغ دتبعكلكن. حال اين دجلسكن دالم فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سورة البقرة آية ١٨٤:

يايت براف هاري يغ ترتنتو. مك سسياف انتارا كامو يغ ساكيت اتاو دالم مسافر (بوليه له دي بربوك، جك دي بربوك) مك واجيله دي بر فواسا سابق (هاري يغ دي بربوك) ايت فد هاري-هاري يغ لاي. دان واجب كاتس اورغ-اورغ يغ تيدق تردي بر فواسا (كران توا دان سباكاي) ممباير فدية ياي ممري ماكن اورغ ميسكين. تنافي سسياف يغ دغن سوكاريل ميريكن (بايرن فدية) ليه درقد يغ دتتوكن ايت مك ايت اداله سواتو كيايكن باكين دان (والاوفون دمكين) بر فواسا ايت ليه بايك باكي كامو (درقد ممباير فدية)، جك كامو مغهوي.

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوي له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغككن كلبانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يغ فاليج مليا دسيسا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يغ فاليج بر تقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ ستياث مغيغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامن ددنبا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

سكارغ كيت تله فون براد دبولن شعبان ياي بولن كلافن دالم تقويم هجرة. شعبان اترين بر فجه به دان بولن اين دنامكن سدمكن كران سوكو-سوكو عرب بر فجه-فجه فركي منجاري اير. دالم بولن اين جوك تله برلاكو فريستيا فتتغ دالم سجاره اسلام ياي فرالين قيلة. فد اولن اومة اسلام مهادف بيت المقدس (مسجد الأقصى)، كمودين الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مريتهكن اكر مهادف قيلة ككعبة دمسجد الحرام. اين مفاجر كيت ارتي طاعة دان قاتوه كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. سحق فريستيا ايت، سمبيغ دتونيكن دغن مهادف كعبة سباكاي قيلة.

جماعه يغ درحمي الله،

شعبان مروفاكن ساله ساتو بولن يغ مقويي كاستيميوان دالم اسلام. كادان اين سامله جوك دغن بولن رجب دان رمضان يغ مقويي كلبينن يغ ترسنديري، سهيغك ميبسكن كحاضر ن ستياس دننتيكن. درقد عائشة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، كاتن: كَانَ أَحَبَّ الشُّهُورِ إِلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ يَصُومَهُ شَعْبَانَ، ثُمَّ يَصِلَهُ بِرَمَضَانَ.

مقصودن: بولن يغ فاليج دجيتي اويله رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دمان بكيندا اكن بر فواسا ددالمن، اداله بولن شعبان كمودين متروسكن (فواسان) ددالم بولن رمضان. { حديث رواية امام ابو داود }

رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فرنه دتان، مفاغ بكيندا مليهكن بر فواسا سنة دبولن شعبان برنديغ بولن-بولن يغ لاي. درقد أسامة بن زيد رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بلباو بر كات: واهي رسول الله، اكو تيدق فرنه مليهت اغكاو بر فواسا دالم ساتو بولن سباكيما اغكاو بر فواسا ددالم بولن شعبان؟ نبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:

Kerjasama erat pastikan keperluan air terus terjamin



Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Mukim Berakas 'B'

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Kerjasama erat dan sinergi padu antara Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan serta para Penghulu Mukim telah meringankan kekusaran penduduk susulan gangguan bekalan air yang berlaku akibat kerosakan paip air utama kesan tanah runtuh di Kampung Batang Mitus.

Gangguan bekalan air yang bermula sejak Khamis, 29 Januari 2026 itu berlarutan selama beberapa hari berikutan kerja-kerja pembaikan yang dijalankan. Dalam tempoh tersebut, pihak JKR bertindak pantas dengan menyediakan pelbagai kemudahan bekalan air alternatif termasuk penempatan tangki air biru, lori tangki air serta pembukaan *stand pipe* di beberapa lokasi strategik bagi memastikan keperluan harian penduduk terjamin.

Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah ketika ditemui semasa meninjau lokasi penyediaan tangki air berkata, walaupun gangguan bekalan air pada peringkat awal menimbulkan kekusaran dalam kalangan penduduk, namun tindakan segera

yang diambil oleh JKR dengan sokongan pelbagai agensi berkaitan, termasuk Jabatan Daerah, telah banyak membantu meringankan keadaan.

Menurut beliau, penyampaian maklumat yang pantas dan berkesan melalui media sosial berkaitan lokasi penyediaan bekalan air seperti tangki biru dan *stand pipe* telah memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan air bersih. Maklumat tersebut turut disalurkan secara langsung oleh penghulu dan ketua kampung kepada anak buah masing-masing bagi memastikan tiada penduduk yang tercicir daripada menerima bantuan.

Antara lokasi utama pengagihan air ialah di Tapak Perindustrian Salambigar, yang menyaksikan kehadiran penduduk secara berterusan. Pasukan JKR dilaporkan bertugas sehingga jam 12.00 tengah malam bagi memastikan pengagihan berjalan lancar dan bekalan air sentiasa mencukupi.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan JKR serta para sukarelawan yang memainkan peranan penting dalam membantu



PENGHULU Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah semasa meninjau lokasi penyediaan tangki air (atas), manakala gambar kiri dan bawah kanan, antara lokasi pengagihan air.

menyediakan makanan dan minuman, menguruskan barisan penduduk serta memastikan prosedur keselamatan dan pengagihan dipatuhi dengan baik.

Sementara itu, Penghulu Mukim Berakas 'A' merangkap Ketua Kampung Lambak Kiri, Awangku Amirur Aminuddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh memaklumkan bahawa beberapa kampung di bawah Mukim Berakas 'A' turut terjejas, antaranya Kampung Lambak 'A', Kampung Lambak 'B', Kampung Delima Satu, Kampung Serusop, Kampung Pancha Delima, Kampung Orang Kaya Besar Imas, Kampung Anggerik Desa, Kampung Pulaie serta kawasan Kampung Burung Pingai, Jaya Setia dan Jaya Bakti.

Beliau menjelaskan bahawa antara langkah yang dilaksanakan termasuk penempatan tangki air biru di lokasi strategik seperti masjid, selain pembukaan beberapa *water station* atau *standing pipe* bagi membolehkan penduduk membawa bekas air sendiri.

Tangki air biru telah ditempatkan di Masjid Lambak, Masjid Serusop dan Masjid Perpindahan Berakas, manakala *water station* disediakan di kawasan Industri Lambak dan Pharmacy Terunjing, termasuk dua lokasi tambahan di Industri Lambak iaitu di hujung Jalan RBC Lambak serta berhampiran bekas bangunan Mahkota Crystal.



Dalam perkembangan berkaitan, Penghulu Mukim Gadong 'B', Awang Rosliani bin Haji Umar turut memaklumkan bahawa beberapa tangki air biru telah disediakan di beberapa lokasi dan berharap sekiranya situasi gangguan berpanjangan, tambahan bekalan air dapat disediakan berhampiran kawasan terjejas bagi kemudahan penduduk.

Orang ramai juga dinasihatkan agar terus bersabar, mengamalkan penggunaan air secara berhemah serta bekerjasama dengan pihak bertugas sepanjang tempoh

perbaikan dijalankan. Penghargaan turut dirakamkan kepada pegawai daerah yang turun padang meninjau keadaan, termasuk kerjasama beberapa agensi dalam menyediakan pencahayaan di kawasan gelap bagi memudahkan penduduk mendapatkan bekalan air pada waktu malam.

Usaha bersepadu ini, jelas mencerminkan semangat perpaduan, kebersamaan dan keprihatinan semua pihak dalam menghadapi ujian bersama, demi menjamin kesejahteraan dan kebajikan masyarakat.

GOTONG-ROYONG ERATKAN SILATURAHIM

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Serasa

SERASA, Ahad, 1 Februari. - Majlis Perundingan Kampung Serasa telah mengadakan Kempen Gotong-Royong membersihkan kawasan Taman Riadah Bukit Tempayan Pisang.

Kempen yang disertai oleh Penduduk Kampung Serasa dan sekitarnya ini bertujuan untuk membersihkan persekitaran kawasan tersebut dan *menyiangi* laluan atau trek menuju ke puncak bukit agar lebih selesa dan bersih untuk aktiviti riadah penduduk setempat dan pelancong luar negara.

Hadir sama pada kempen tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd.Tawih bin Abdullah.

Semasa gotong-royong berlangsung, para peserta bukan sahaja *menyiangi* kawasan tersebut tetapi juga mengambil peluang untuk beriadah. Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan

silaturahmi antara penduduk kampung kerana mereka saling membantu dan bergotong-royong tanpa mengira usia.

Taman Riadah Bukit Tempayan Pisang juga terkenal dengan kewujudan Gua Harimau dan Gua Radat mempunyai nilai sejarah dan legenda tersendiri yang menjadi salah satu tarikan menarik buat pengunjung yang ingin mengetahui sejarah serta menikmati keindahan alam semula jadi di kawasan ini.

Puncak bukit mempunyai ketinggian lebih kurang 500 meter daripada paras laut mempunyai pemandangan yang sangat indah terutama pada waktu pagi.

Kempen seperti ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar tetapi juga memberi peluang kepada penduduk untuk menjalani gaya hidup yang sihat melalui aktiviti riadah.

Inisiatif ini kerap kali diadakan



MAJLIS Perundingan Kampung Serasa mengadakan Kempen Gotong-Royong membersihkan kawasan Taman Riadah Bukit Tempayan Pisang.

dan akan diteruskan pada masa akan datang demi kesejahteraan komuniti yang berminat untuk mendaki bukit sebagai aktiviti riadah dan inisiatif membersihkan dan *menyiangi* kawasan

berkenaan untuk kelestarian alam sekitar.

Bagi mereka yang gemar mendaki dan mengembara, Bukit Tempayan Pisang amat sesuai dijadikan sebagai tempat riadah

kerana kemudahan dan trek yang disediakan amat mudah untuk disusuri selain daripada pemandangan yang indah dan terdapat legenda menarik di sebalik bukit berkenaan.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas
II, III & IV

Kategori
KPB12

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa, 24 Februari 2026

Tarikh Tutup:
Selasa
3 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T001 / 2026
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Landskap Ke Jalan Menteri
Besar,
Negara Brunei Darussalam Bagi
Tempoh Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T001 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN
MUARA KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDBM / Q / 01 / 2026
Pakej Pengendalian
Persembahan Sempena Majlis
Keberangkatan KDYMM Beramah
Mesra Bersama Rakyat Bertempat
Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali
Saifuddin, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(01) JBS / ADM / QC / 2026
Construct New Reinforced
Concrete Flooring Slab (Open
Area) at Games Village, HBNSC

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(04) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for
Multipurpose Hall and Pedestrian
Mall, HBNSC

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(05) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a period of
Thirty-Six (36) Months for Indoor
Stadium, HBNSC

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(06) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for Youth
Centre, BSB

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(07) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for Berakas
Sports Complex

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(08) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for National
Swimming Pool, HBNSC

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(09) JBS / ADM / QC / 2026
Conversion of Existing Floodlight
System to LED Lighting System
(Fittings and Bulbs) For Track and
Field, HBNSC

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(10) JBS / ADM / QC / 2026
Supply and Install Louvre Panels
at Mumong Sport Complex

Bilangan dan Keterangan
Tawaran:

(11) JBS / ADM / QC / 2026
To Propose, Supply, Delivery,
Installation, Configuration, Testing,
Maintenance and Warranty of
Close Circuit Television (CCTV)
System at Berakas Sports
Complex

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 Februari 2026



**JABATAN PENERBANGAN
AWAM KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
ATELS / 2025 / SH-34
To Supply, Install And Configure
Of New CCTV System At ATC,
Department Of Civil Aviation

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
Rabu,
28 Januari 2026

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
Selasa,
17 Februari 2026

Tarikh Tutup
Sebut Harga:
Rabu,
18 Februari 2026,
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



**UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI**

UNISSA / LTK /
RKN-PTM(01) / 2026

The Design, Development,
Supply, Delivery, Installation,
Testing, Commissioning And
Maintenance Of Project Smart
University (Phase 1)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00
Tengah Hari



Tajuk Tawaran:

The Supply And Delivery Of
Portable Push To Talk Device
Bundle With LTE At Brunei
International Airport'
ATELS / 2025 / SH-16 (R)

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
21 Januari 2026,
Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
3 Februari 2026,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 Februari 2026,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0068 / 2025
Supply And Delivery One Unit
Of Drone For Information
Technology Unit, Department
Of Fisheries

Tarikh Tutup
Sebut Harga:
Khamis,
26 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN**

MOE / LTK / 77 / 2025 / 2026
(JPPE-JAN-2026)
Upgrading Works For
Centre Of Excellence At
Sekolah Rendah Lambak Kanan
Jalan 49,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
II & III Sahaja
(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
B01

Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Sabtu,
14 Februari 2026

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak Lewat
Jam 12.00
Tengah Hari



Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan
Ternakan Udang Menggunakan
Teknologi Di Tapak Ternakan
Udang Lot 16636,
Pangkalan Sibabau Zon 1,
Kampung Mentiri,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 Mac 2026
Jam 12.00
Tengah Hari




**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Kenyataan Tawaran
**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**

31 / DBP / SH / 2025-2026
Replacement And Repair Work To
Existing Flooring At Perpustakaan
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Seria

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Februari 2026


**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH /
ADMIN / 4 / 2025-2026

Tajuk Sebut Harga:

Menyediakan Jamuan Dan
Membekalkan Kelengkapan Bagi
Acara-Acara Keagamaan Semasa
Bulan Ramadhan 1447H / 2026M,
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan

Tarikh Buka Sebut Harga:
Sabtu,
19 Januari 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Februari 2026,
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Taklimat
(Jika Berkenaan):**
Bermula 19 Januari 2026, Isnin
Jam Semasa Waktu Bekerja

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara
Brunei Darussalam**

1. Keterangan Projek:
Supply And Install New Carpet
Floor At Bangunan Perkhidmatan
dan Pemeliharaan Kawasan
Jabatan Bandaran
Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Tawaran:
24 / BBS / SH / 2025 - 2026

2. Keterangan Projek:
Remove, Supply And
Install Air Conditioners At
Bangunan Dewan Persidangan,
Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria,
Jalan Mckerron, Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
25 / BBS / SH / 2025 - 2026

Kategori:
M01 - Sistem Hawa
Dingin Dan Pengedaran Udara
(Air Conditioning And
Ventilation System)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / LTK / 2025-2026 / 15
Provision Of Integrated Creative
Development Services For
Visit Brunei Year 2027

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**

JPE / LTK / DIS / 114 / 2025
Provision Of Manpower For
Distribution Network Remedial
Works In Temburong District

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 123 / 2025
Wayleave Maintenance Of
28ft/35ft Of 415V/11KV Overhead
Line and Poles In Tutong District
(Zone A) For A Period Of
Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 129 / 2025

Tajuk Tawaran:
Major Inspection And
Rectification Works For
Step-Up 66KV Transformers
And Auxiliary
Transformers For Frame
5 Gas Turbine
Generators At SHOASSKW
Power Station,
Lumut

Tarikh Tutup:
Selasa
24 Februari 2026
12.00 Tengah hari

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut boleh diperoleh di
**Unit Tawaran dan Sebut Harga,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam**


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
32 / MFA-ICC-Q / 2025 - 26

Tajuk Sebut Harga:
Carpet Replacement At
Multi-Purpose Hall Corridor,
International Convention Centre,
Berakas

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
11 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
31 / MFA-ICC-Q / 2025 - 26

Tajuk Sebut Harga:
Production Of Emergency Exit
Safety & Evacuation Video At
International Convention Centre,
Berakas

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
18 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MFA / JPKL / 21 / 275 / 2026
(AEMM)

Jemputan Tawaran Bagi
Kenderaan Sewa
Kementerian Hal Ehwal
Luar Negeri Bagi Kegunaan
Semasa 25th Asean-Eu
Ministerial Meeting (AEMM)
Di Bandar Seri Begawan
Pada Bulan
April 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
IV (III & IV) Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 001 / 2026 –
(SEW).T.IV

Nama Projek:
Kontrak bermusim
Tiga (3) Tahun Bagi
Kerja-Kerja Operasi dan
Pemeliharaan Sistem
Telemetri Bahagian Pembedungan,
Jabatan Kerja Raya
(2026 – 2029)

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Kelas:
V (IV & V)
Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 002 / 2026 –
(SEW).T.IV

Nama Projek:
Penyambungan Pembedungan
Di Kawasan Kg Pengkalan
Gadong, Kg Batu Bersurat
Dan Kg Menglait

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak lewat
dari jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Mac 2026
Tidak lewat
dari jam 2.00
Petang

**Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
14 Januari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 3 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 04 / 2026

Nama Projek:
Melapis Semula Jalan Aspal di
Jambatan Sultan Haji Omar' Ali
Saifuddien (SHOAS)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**JABATAN TANAH KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Sebut Harga / Tawaran Bagi
Perbekalan
Jabatan Tanah, Kementerian
Pembangunan**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
16 / 2025-2026 (Retender)
Tawaran Kerja Perkhidmatan
Pengangkutan Sampah
Di Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
(Retender)

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026
Jam 2.00
Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
[KA01]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRC 37 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaiki Pulih 'Airfield
Pavement' Di Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei – Fasa II
– Retender

Yuran Tawaran:
BND5000.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, Bandar
Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

**Invitation for Expression of
Interest (EOI)**

Bilangan Rujukan Projek:
JPH / SH / EOI / 2566 / 2025-2026

Tajuk Projek:
Forest Certification Readiness
Development- Achieving Forest
Stewardship Council (FSC)
Certification
in Sustainable Forest
Management for
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis,
26 Februari 2026



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYATI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (penilaian / pangkat serta sajak / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (sijil, transkrip dan pengiktirafan Maja Kelengkapan Pengiktirafan Kelulusan (PKOK) yang berkesan)
6. Tandakan "..." pada kotak semak "Jawatan Selarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (tarikan / peperiksaan / peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelengkapan profesional dan lain-lain yang dipertingkatkan & dalam skema dalam)



JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/JAN/02/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	38(A)	04 FEBRUARI 2026
2. PENOLONG PENGARAH JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/JAN/02/KPDK	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	04 FEBRUARI 2026
3. JURUTERA AIR DAERAH / JURUTERA KERJA JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/JAN/03/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	38(B)	04 FEBRUARI 2026
4. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT I KEMENTERIAN PERTAHANAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/JAN/02/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A) - GAJI HARI	04 FEBRUARI 2026
5. PENOLONG PENERBIT TINGKAT I JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI D.3-4 EB.5-6 (BAHAGIAN IV) 2026/JAN/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	03	7(A)	04 FEBRUARI 2026
6. PEGAWAI PERANGKAAN RENDAH JABATAN-JABATAN KERAJAAN C.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN III) 2026/JAN/01/JJK	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	7(A)	04 FEBRUARI 2026
7. PEGAWAI KESIHATAN KANAN KEMENTERIAN KESIHATAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/JAN/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	38(B)	11 FEBRUARI 2026
8. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/JAN/03/KKS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	11 FEBRUARI 2026
9. OPERATOR BENGKEL BATERI KEMENTERIAN PERTAHANAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/JAN/03/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	11 FEBRUARI 2026
10. PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK SUPERSCALE B (BAHAGIAN I) 2026/JAN/04/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	11 FEBRUARI 2026
11. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/JAN/04/JPM	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)-JJK-MOH	11 FEBRUARI 2026
12. PEGAJAR PELADANGAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/JAN/03/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	11 FEBRUARI 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAPAT MASUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / MED / TA / 8005

Pembelian Vaksin-Vaksin Bagi Khidmat Perubatan Dan Kesihatan, Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 Februari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
12.00 Tengah Hari



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / DITU / TA / 01

Membaharui 'License And Support Renewal For Solarwinds IP Address Manager (IPAM)'

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 3 Februari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / BOL / 002

[JPPK / LTN / 10 / 2024]
Five (5) Years Term Contract For The Facilities Management And Maintenance Of Bolkiah Garrison And Associated Facilities, Royal Brunei Armed Forces, Ministry Of Defence, Brunei Darussalam

Tarikh Mula Tawaran:
29 Disember 2025

Kelas:
V dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lima (5) Tahun

Yuran Tawaran:
BND1,005.00

(Yuran tawaran = BND1,000.00 + Yuran e-dokumen = BND5.00)
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen (MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 27 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

***Makluman**
Untuk dipertimbangkan dalam tawaran ini, setiap penender dimestikan untuk membeli 'MINDEF SOR 2019 Edition' atas nama syarikat mereka sendiri. Jika pernah membeli 'MINDEF SOR 2019 Edition' sebelum ini, penender hendaklah menghadapkan salinan resit pembayaran terdahulu. Edisi 'MINDEF SOR 2011 dan MINDEF SOR 2015' adalah tidak lagi digunakan.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / TL / 001
[JPPK / LTK / 16 / 2025]
One-Off Corrective Maintenance And Repair Works For Royal Brunei Naval Base Muara: Replacement Of Low Voltage Cable Various Locations, Royal Naval Base Muara

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
E01 & E02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Empat (04) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada Selasa, 10 Februari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
10 Mac 2026
(Selasa)
Jam 12.00 Tengah Hari



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / RPK / TA / 01
Pembelian Alat Kelengkapan Pejabat Bagi Kegunaan Bilik Gerakan (OPS Room) Rejimen Pasukan Khas, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan).

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 3 Februari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BIOS / JKSH / 02 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Providing Technical Service For Fishery Products (Shrimp / Prawns / Feed) In Compliance To ISO/IEC 17025 Standards Complete With Logo Of Accreditation Bodies (E.G. SAMM, SAC SINGLAS, UKAS ETC.) On The Test Result Report

Tarikh Tutup Mengambil Borang Sebut Harga:
12 Februari 2026,
Khamis,
Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
12 Februari 2026,
Khamis,
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 16 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Renovation Works For Biosecurity And Market Access Division Office At Level 1, Ministry Of Primary Resources And Tourism

Tarikh Buka Sebut Harga:
26 Januari 2026,
Isnin

Tarikh Tutup Sebut Harga:
26 Februari 2026,
Khamis,
Jam 12.00
Tengah Hari



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 9.2025
EGNC Loadmaster LM-X25 License Renewal & Maintenance for 3 Years (2026-2029), Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa,
17 Mac 2026



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Makluman Tarikh Lanjutan

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 004 (JPPK / LTN / 05 / 2025)
Construction off New Hangar C, Rimba Air Force Base

Kelas:
VI

Kategori:
KA01, B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan Belas (18) Bulan

Yuran Tawaran :
BND 5,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir Bagi Pembelian Borang Tawaran Pada:
Isnin,
2 Februari 2026

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah hari

IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN murid yang mengikuti Kelas Al-Quran dan Muqqadam yang berlangsung di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. - Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit.

MURID-murid dari Sekolah Agama Kampung Bolkiah semasa menyertai Program Belia Al-Wahdah yang diadakan di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A'. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azrie Pg. Haji Nikman.



ANTARA institusi yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Kebangsaan WorldSkills Brunei 2026 (WSBNC2026) bagi memperkasa kecemerlangan belia dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berlangsung di BRIDEX. - Foto : Azmah Haji Ahad.



ANTARA yang turut sama menderma darah yang dianjurkan oleh Vistra Sdn. Bhd. bertempat di Tingkat 3, Bangunan Wisma Jaya, di ibu negara. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

PROGRAM Taklimat Kenegaraan yang diadakan di Qa'ah Al-Azkiyaa Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BENGKEL MEMPERKUKUH PENGHAYATAN, PENGAMALAN IBADAH SEMBAHYANG



BENGKEL tersebut dimudah cara oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohd. Ali selaku Ketua Bahagian Imarah, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

pencipta-Nya. Namun demikian, masih terdapat dalam kalangan umat Islam yang belum menguasai bacaan dan pelaksanaan sembahyang dengan sempurna.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut pagi tadi menganjurkan Bengkel Tahsinus Solat bertempat di masjid berkenaan.

Penganjuran bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan, memperbetulkan bacaan, memperkemas tatacara pelaksanaan sembahyang serta meningkatkan kefahaman terhadap hukum hakam fiqh sembahyang, di samping menyemai kecintaan terhadap ibadah tersebut agar setiap

sembahyang yang didirikan menepati tuntutan syarak dan diterima di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Bengkel tersebut dimudah cara oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohd. Ali selaku Ketua Bahagian Imarah, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Penyertaan bengkel melibatkan para pegawai SKiPPA dari JHEM, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah serta jemaah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Penganjuran bengkel ini juga sebagai menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar masjid berperanan sebagai pusat penyebaran ilmu serta para pegawainya berfungsi sebagai muallim di tempat mereka bertugas.

Bengkel ini turut memberikan bimbingan secara individu kepada jemaah yang kurang mahir bagi membolehkan mereka

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PENYERTAAN bengkel melibatkan para pegawai SKiPPA dari JHEM, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah serta jemaah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

memperbetulkan dan meningkatkan kualiti pelaksanaan sembahyang secara berkesan.

Secara keseluruhannya, bengkel ini dapat memperkukuhkan penghayatan dan pengamalan

ibadah sembahyang dalam kalangan masyarakat Islam, seterusnya meningkatkan keimanan dan ketakwaan melalui pengisian yang bermanfaat dan berlandaskan ajaran Islam.

Operasi Usai kesan pelbagai kesalahan



BELAIT, Sabtu, 31 Januari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait telah menjalankan Operasi Usai 17 / 2026 dan Operasi Usai 18 / 2026 di Kampung Mumong 'A', Kuala Belait pada 26 Januari 2026 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Jabatan Buruh melalui pemeriksaan pertama yang dijalankan ke atas sebuah Kedai Makan telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap sejumlah empat pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut adalah Bab 39, gagal membayar gaji pekerja dan bayaran lebih masa; Bab 63, gagal memberikan cuti rehat dan Bab 64(4), pekerja

tidak dibayar tambahan bekerja semasa cuti rehat / cuti hari kelepasan awam.

Seterusnya, Bab 65 Melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan; Bab 70, gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan dan Bab 112 (2), kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing, iaitu seorang pekerja asing berjawatan Buruh membuat pekerjaan penyelia.

Pemeriksaan kedua yang dijalankan ke atas sebuah Kedai Jual Barang Runcit telah mendapati sebanyak empat kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap sejumlah empat pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut adalah Bab 39, gagal membayar gaji pekerja dan bayaran lebih masa; Bab 64(4), pekerja tidak dibayar tambahan bekerja semasa cuti rehat / cuti hari kelepasan awam dan Bab 65, melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan dan Bab 112(2), melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing di mana jawatan tidak selaras dengan kerja yang dilakukan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit

OPERASI Usai bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan (kiri dan kanan).

kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah. Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti pembayaran gaji tepat pada waktunya, memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang telah diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan memberikan hak cuti tahunan kepada pekerja serta membiayai tiket balik pekerja yang

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



sudah tamat kontrak perkhidmatan.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan

Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'. Tarikh Tutup : 4 Februari 2026
2. 'Vape: Ancaman Senyap Terhadap Kesihatan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 11 Februari 2026
3. 'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'. Tarikh Tutup : 18 Februari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TINGKATKAN BIMBINGAN MENGENAI PELUANG PENDIDIKAN TINGGI ANTARABANGSA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Pihak Unit Pendidikan Kerjaya di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah menganjurkan Sesi Kongsi Sama mengenai On Education Malaysia Global Assist (EMGA) Elevate Educators Camp bertempat di Teater Kuliah 1, Pusat Tingkatan Enam Sengkuring.

Acara tersebut memberi tumpuan kepada maklumat yang diperolehi daripada lawatan pendidikan ke Malaysia baru-baru ini, yang bertujuan untuk meningkatkan bimbingan yang diberikan kepada pelajar mengenai peluang pendidikan tinggi antarabangsa.

Sesi berkenaan telah dihadiri oleh pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru pendidikan kerjaya dari sekolah menengah kerajaan,

maktab dan pusat-pusat tingkatan enam di Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai dari Unit Pendidikan Kerjaya, JSS.

Sesi tersebut mengetengahkan pengalaman beberapa kumpulan guru pendidikan kerjaya sekolah yang telah melawat 10 institusi pendidikan tinggi terkemuka di Malaysia pada Disember 2025 yang dikendalikan oleh EMGA.

Institusi-institusi tersebut termasuk INTI International University & Colleges, Sunway University, Le Cordon Bleu Malaysia, Asia Pacific University, Universiti Tenaga Nasional, Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology, Taylor's University, Monash University Malaysia, HELP University dan Heriot-Watt University Malaysia.



PIHAK Unit Pendidikan Kerjaya di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) menganjurkan Sesi Kongsi Sama mengenai On Education Malaysia Global Assist (EMGA) Elevate Educators Camp.

Pada akhir Sesi Kongsi Sama, Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin telah menyampaikan sijil penghargaan

kepada para pembentang di atas sumbangan mereka serta perkongsian ilmu berharga yang akan memberi manfaat kepada

pihak pentadbiran sekolah, guru-guru pendidikan kerjaya dan pelajar di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Konvoi Kembara Kenderaan 4WD eratkan silaturahmi

Oleh : Nurdiyana Rajami
Foto : Ihsan Syaz

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Pengalaman ekspedisi rentas sempadan sejauh 1,600 kilometer yang menyatukan 42 peserta baru-baru ini bukan sahaja melakar kenangan indah tentang perjalanan itu tetapi juga semangat persahabatan yang lebih kukuh antara mereka.

Begitulah antara perkongsian Syaz kepada Pelita Brunei iaitu salah seorang peserta Konvoi Kembara Kenderaan Pacuan Empat Roda (4WD) Ford Ranger dan Everest ke negara jiran, Sarawak, Malaysia sekitar awal bulan Disember lalu.

Para peserta Konvoi Kembara Kenderaan berkenaan telah merentasi destinasi utama termasuk Sibul, Kuching dan Bintulu, dengan sebahagian besar perjalanan mengikuti Lebuh raya Pan Borneo yang ikonik.

Sebagai salah satu rangkaian infrastruktur terbesar di Asia Tenggara, lebuh raya ini menawarkan para peserta pemandangan barisan hadapan ketersambungan Borneo yang semakin berkembang.

Di Sarawak, kongsi Syaz, salah satu tasik yang memikat hati dan menyimpan misteri ialah Tasik Biru. Terletak kira-kira satu jam perjalanan dari Kuching, tasik ini bukan sekadar tarikan alam semata-mata, tetapi juga saksi sejarah lombong emas dan pelbagai legenda tempatan yang menambah daya tarikannya.

Selain itu, mereka juga berpeluang singgah ke Kampung Serikin, terletak di sempadan Malaysia-Indonesia kira-kira 65 kilometer dari Bandaraya Kuching, di mana mereka juga berkesempatan untuk singgah ke pasar hujung minggu di perkampungan itu yang merupakan

salah satu destinasi pelancongan popular dengan hasil aktiviti perniagaan rentas sempadan yang berkembang pesat.

"Pasar Serikin, pasar hujung minggu yang meriah, di mana peniaga tempatan di sana dan dari Kalimantan Barat menjual batik, busana tradisional, peralatan rumah, hasil rimba dan makanan tempatan. Suasana pasar yang sibuk, aroma rempah dan bunyi tawar-menawar menambahkan warna pada pengalaman lawatan kami," ujar Syaz.

Kongsi Syaz lagi, daripada riu tawar-menawar di hujung sempadan Pasar Serikin, ke permata batu kapur Gua Pari-Pari yang memukau dengan keindahan alam hingga ke Tasik Biru, permata Sarawak yang menyimpan nilai sejarah dan menawarkan pengalaman pelancongan yang menyatukan budaya, alam dan legenda.



KONVOI Kembara Kenderaan berkenaan telah merentasi destinasi utama termasuk Sibul, Kuching dan Bintulu, dengan sebahagian besar perjalanan mengikuti Lebuh raya Pan Borneo yang ikonik.

Daerah ini bukan sahaja terkenal dengan warisan perlombongan emasnya, tetapi juga sebagai destinasi pelancongan yang kaya dengan cerita, panorama menawan dan pengalaman unik untuk pengunjung dari dalam dan luar negara.

"Perjalanan ini bukan sahaja satu pengalaman atau memori yang

menjadi kenangan manis dan mengeratkan hubungan antara pemilik-pemilik kenderaan 4WD Ford Ranger dan Everest tetapi juga memberi satu bukti tentang kebolehan dan ketahanan kereta kami dalam kembara yang berlangsung selama lima hari itu," ucapnya di akhir perkongsian.

Platform untuk memperluas jaringan perniagaan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad



PENGUSAHA Roti Goreng Bonda Acap semasa melayan pelanggannya (atas), manakala gambar bawah, produk terbaharu Heritage Bakwa, iaitu Chilli Lime Bakwa.



BERAKAS, Sabtu, 31 Januari. - Penganjuran Pesta Pengguna yang berlangsung baru-baru ini dilihat berjaya memberi impak

positif kepada pengusaha tempatan serta menawarkan pelbagai manfaat kepada pengguna.

Acara tersebut menjadi platform penting dalam memperkenalkan produk tempatan kepada masyarakat, sekali gus merencanakan aktiviti ekonomi setempat.

Pesta ini memberi peluang kepada pengusaha tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna tanpa melibatkan orang tengah.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu meningkatkan jualan, malah membolehkan pengusaha mengurangkan kos pemasaran serta memperluas jaringan perniagaan.

Selain itu, interaksi secara langsung dengan pengguna membolehkan pengusaha memahami kehendak pasaran dan mendapatkan maklum balas secara terus bagi penambahbaikan produk.

Seorang pengusaha tempatan, Awang Mohammad Rayyan bin Haji Mohd. Suffian, pemilik Heritage Bakwa berkata bahawa sambutan orang ramai sejak hari pertama penganjuran pesta tersebut amat memberangsangkan. Menurut

beliau, produk yang ditawarkan menerima sambutan yang sangat baik, lebih-lebih lagi dengan pelancaran produk terbaharunya iaitu Chilli Lime Bakwa.

"Sambutan pengunjung sangat menggalakkan sejak hari pertama. Produk baharu kami turut menarik minat ramai pelanggan dan menerima maklum balas yang positif," katanya ketika ditemui. Sementara itu, Pengusaha Roti Goreng Bonda Acap, Awang Ashraf turut menyatakan perkara yang sama.

Awang Ashraf mengongsikan bahawa pelanggan yang telah merasai roti jualan kebiasaannya akan kembali semula untuk membuat tempahan berulang. Hal ini demikian kerana roti tersebut bukan sahaja mempunyai rasa yang enak dan berkualiti, malah ditawarkan pada harga yang sangat berpatutan, sekali gus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelanggan.

Dari sudut pengguna pula, Pesta Pengguna menyediakan pelbagai pilihan barangan tempatan yang berkualiti pada harga yang lebih berpatutan. Pengguna dapat membuat perbandingan harga dan



SEORANG pengusaha tempatan, Awang Mohammad Rayyan bin Haji Mohd. Suffian, pemilik Heritage Bakwa.

kualiti produk secara terus sebelum membuat pembelian, sekali gus membantu mereka membuat pilihan yang lebih bijak dan berinformasi.

Secara keseluruhannya, penganjuran Pesta Pengguna bukan sahaja memberi manfaat kepada pengusaha tempatan dan pengguna, malah turut menyumbang kepada usaha menggalakkan sokongan terhadap produk tempatan serta memperkukuh pertumbuhan ekonomi setempat.



Penglibatan belia penting sebagai generasi penerus pertanian di NBD

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Ihsan Dk. Aniisah Khoirunnissa' Pg. Haji Kamaluddin

PENYERTAAN belia, di dalam bidang pertanian amatlah diperlukan walaupun masih di peringkat awal, namun dengan adanya penyertaan belia dalam bidang ini merupakan petunjuk positif bahawa golongan muda semakin menyedari peluang yang ada dalam sektor sumber-sumber utama ini, bukan sahaja untuk menjana pendapatan tetapi juga menyumbang kepada keselamatan makanan negara, memperkukuh eksport agromakanan halal serta menyokong usaha kepelbagaian ekonomi negara.

Bagi menarik minat golongan belia ke sektor pertanian ini antaranya perlu diperkenalkan bidang pertanian di peringkat sekolah bagi memberi pendedahan serta gambaran karier dalam bidang berkenaan. Hakikat inilah juga yang mendorong minat belia tempatan kita bagi ruangan Belia Berwawasan pada kali ini.

Dayangku Aniisah Khoirunnissa' binti Pengiran Haji Kamaluddin, 26 tahun berasal dari Kampung Tungku Katok 'A' dan berkelulusan Sarjana Muda : Bachelor Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia (2019 - 2023) dan kini sedang melanjutkan pelajaran di Fakulti Pertanian, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dalam Program Sarjana Sains Pertanian (Tahun Akhir) menjelaskan minat terhadap pertanian mula berputik daripada ibu bapa mengenai peningkatan harga barangan runcit serta kebergantungan negara terhadap makanan import.

Dayangku Aniisah juga menyedari bahawa sektor pertanian sebenarnya jauh lebih kompleks daripada yang disangka dan berpandangan pertanian dilihat sebagai salah satu bidang yang penting kerana sumbangannya yang langsung kepada kesejahteraan masyarakat, kelangsungan sumber rezeki rakyat serta jaminan keselamatan makanan negara.

Apabila ditanya kenapa lebih meminati bidang pertanian, ujar Dayangku, memilih bidang pertanian kerana ia memainkan peranan penting dalam memastikan pengeluaran makanan, yang merupakan asas kepada kelangsungan hidup manusia dan kesejahteraan negara.

Bagi Dayangku Aniisah pula, walaupun sektor pertanian di Brunei Darussalam masih dalam tahap membangun, namun beliau melihat keadaan ini sebagai satu cabaran dan juga peluang untuk mencurahkan bakti kepada masyarakat dan negara.

"Saya berhasrat untuk menjadi antara saintis pertanian Brunei yang berusaha memajukan bidang ini demi kepentingan negara dan rakyat, khususnya dalam memperkukuh sekuriti makanan serta mengurangkan kebergantungan jangka panjang kepada sumber luar seperti pengimportan," ujarnya.

Jelasnya lagi, bidang pertanian akan sentiasa relevan selagi terdapat makhluk hidup yang bergantung kepadanya untuk mendapatkan makanan dan kelangsungan hidup serta kepentingan yang berterusan bahkan inilah antara yang mendorongnya untuk menumpukan usaha dalam bidang pertanian ini dan menyumbang kepada pembangunan pertanian yang lestari.

Walaupun belum banyak belia yang menceburkan diri dalam bidang pertanian ujarnya namun keadaan ini wajar diberi perhatian serius, jumlah belia dalam sektor ini yang masih kecil boleh membawa kepada situasi yang membimbangkan, memandangkan golongan inilah yang akan memastikan kesinambungan pengeluaran makanan dan sekuriti makanan negara pada masa hadapan bahkan belialah juga yang akan menjadi pemangkin serta pewaris seterusnya dalam menyambung legasi pertanian ini.

Bahkan bagi Dayangku Aniisah sendiri, penglibatan belia dalam sektor pertanian amat penting memandangkan sebahagian besar golongan petani sedia ada semakin berusia dan sebagai pewaris / penerus sektor pertanian, belia memikul tanggungjawab untuk memelihara dan memperkukuh bidang ini agar terus relevan dan berdaya saing. Melalui penglibatan aktif, pembelajaran berterusan dan penerapan pendekatan moden, belia berperanan penting dalam memastikan pertanian terus berkembang serta mampu menyokong keperluan negara pada masa kini dan masa hadapan kerana hal ini selari dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kini, beliau melihat pertanian sebagai satu bidang yang penting dan mulia kerana manfaatnya dapat dirasai secara langsung oleh masyarakat, selain menyumbang kepada sumber rezeki para petani dan sekuriti makanan negara.

Selama menceburkan diri dalam bidang pertanian ini beberapa pencapaian turut dicapai oleh Dayangku Aniisah antaranya :

- Julai 2025 : Penerima Pingat Perak; The Crown Prince CIPTA Award 2025, Tajuk Projek : 'High Quality Soil Conditioners for Achieving Agronomic, Socio-Economic, and Environmental Efficiency in Agriculture'.

- Anugerah Kumpulan, diketuai oleh Profesor Dr. Ahmed Osumanu Haruna; ahli Dayangku Aniisah dan Siti Hadiyah Azlan, Brunei Darussalam.

- Mei 2025 : Penerima anugerah The International Union of Soil Sciences Stimulus Fund Assistance 'Young Scientist Assistantship' Award.

- Antara 10 penerima anugerah yang terpilih dari rantau ASEAN International Soil Science Conference (SOILS 2025), Penang, Malaysia iaitu Award Sponsor : International Union of Soil Sciences, Rome, Italy.

- Jun 2024 : Penerima Anugerah Graduan Cemerlang 2024.

- November 2023 : Penerima Anugerah

Pingat Emas Yayasan Pak Rashid, Award Sponsor : Yayasan Pak Rashid, Malaysia.

- November 2023 : Penerima Anugerah Pingat Emas Behn Meyer AgriCare, Award Sponsor : Behn Meyer AgriCare (M) Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia.

- Pembentang Kedua Terbaik.

- Kumpulan Terbaik Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia.

- 2021 - 2023 dilantik dan berkhidmat sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Brunei di Malaysia Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD) di Malaysia, Putrajaya, Malaysia.

- 2019 - 2021 dilantik dan berkhidmat sebagai Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Brunei di Malaysia Suruhanjaya Tinggi NBD di Malaysia, Putrajaya, Malaysia.

Perancangan seterusnya Dayangku Aniisah berhasrat untuk terus menaik taraf diri dari segi ilmu pengetahuan dan kepakaran. Setelah menamatkan pengajian di peringkat sarjana, insyaaAllah dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

"Pada pandangan saya, sebagai belia, setiap individu perlu kekal komited dalam bidang kepakaran atau peranan masing-masing serta melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti tidak kurang penting ialah keberanian untuk tampil dengan penyelesaian yang berkesan, relevan dan praktikal dalam menghadapi cabaran semasa. Kemajuan sebenar tidak lahir daripada satu sektor semata-mata, sebaliknya melalui pendekatan menyeluruh yang mengiktiraf dan menghargai kepelbagaian peranan dalam masyarakat. Dengan menghubungkan aspirasi peribadi dengan semangat khidmat bakti, belia berperanan penting dalam memacu perubahan dan pembangunan ke arah NBD yang semakin makmur," ujar Dayangku Aniisah mengakhiri perbualan.



Hindari daripada beban hutang 'menumpuk'

BEBAN hutang adalah isu yang semakin membimbangkan dalam masyarakat moden hari ini. Dengan kos hidup yang terus meningkat, ramai individu dan keluarga mendapati diri mereka terperangkap dalam kitaran hutang yang sukar untuk diputuskan. Ramai beranggapan dengan berhutang sahaja mereka dapat memiliki barang yang dikehendaki. Tetapi mereka lupa 'hutang' ini boleh menjerat leher mereka sendiri dengan beban hutang yang tidak berkesudahan.


Dalam ajaran Islam, melunaskan hutang merupakan suatu kewajiban yang sangat dititikberatkan. Tanggungjawab ini disokong oleh banyak dalil daripada Al-Quran dan sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, yang menegaskan betapa seriusnya urusan hutang dalam kehidupan seorang Muslim.

Dalam sebuah hadis, Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يَقْضَى عَنْهُ

Maksudnya : "Roh seorang mukmin akan tergantung (tertahan daripada dihisab) disebabkan hutangnya, sehinggalah hutang tersebut dilaksanakan bagi pihaknya".

Riwayat al-Tirmizi



Hadis ini menggambarkan betapa hutang boleh memberi kesan kepada nasib seseorang di alam akhirat. Meskipun seseorang itu soleh, amalannya boleh tertangguh daripada dihisab kerana masih mempunyai hutang yang belum diselesaikan.

Kesan hutang

Krisis ekonomi boleh menjadi faktor penyumbang kepada bebanan hutang. Dalam keadaan ketidakpastian ekonomi, kehilangan pekerjaan atau pengurangan gaji boleh menyebabkan individu terpaksa bergantung kepada pinjaman untuk memenuhi keperluan asas apatah lagi bagi mereka yang sudah berkeluarga.

Tuntutan keperluan seharian seperti makan minum, perbelanjaan sekolah, potongan rumah, kereta dan keperluan lain boleh menjejaskan kesejahteraan kehidupan individu tersebut yang sudah dibebani hutang. Dengan berhutang lagi, ini boleh mencipta kitaran hutang yang sukar untuk diputuskan yang memaksa seseorang itu meminjam lebih banyak untuk membayar hutang yang sedia ada.

Beban hutang tidak hanya memberi kesan kepada kewangan peribadi tetapi juga boleh mempengaruhi kesejahteraan mental dan sosial. Beban hutang yang tinggi memberi tekanan yang besar kepada individu dan keluarga, yang seterusnya boleh membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kebimbangan dan kemurungan. Rasa tertekan kerana tidak mampu membayar hutang dapat menjejaskan kualiti hidup seseorang, mengakibatkan kesulitan dalam hubungan sosial dan peribadi. Bagi yang tidak mampu dengan tekanan mental disebabkan hutang yang menumpuk, tidak jarang mereka ini melakukan perkara bodoh seperti membunuh diri.

Di samping itu, beban hutang juga boleh memberi kesan kepada produktiviti di tempat kerja. Stres yang berkaitan dengan masalah kewangan boleh mengganggu tumpuan dan motivasi seseorang

sehingga menjadikan prestasi kerja mereka menurun dan lebih teruk lagi kehilangan pekerjaan.

Sikap suka berhutang yang tidak terkawal

Salah satu punca utama beban hutang adalah penggunaan kad kredit secara berlebihan. Kad kredit menawarkan kemudahan dan fleksibiliti dalam berbelanja, tetapi tanpa disiplin yang betul boleh menyebabkan pengguna terperangkap dalam hutang.

Bayaran minimum yang rendah dan disertai dengan kemudahan yang ditawarkan mungkin kelihatan menarik tetapi ia sering kali menyebabkan pengguna menambah hutang tanpa menyedari kesan jangka panjangnya. Oleh itu, kebijaksanaan dalam mengatur kewangan sendiri adalah penting.

Selain itu, kurangnya pengetahuan pendidikan tentang pengurusan kewangan juga menjadi punca. Ramai individu tidak tahu mengurus kewangan mereka dengan baik, termasuk cara membuat belanjawan, menyimpan, dan mengelakkan hutang. Akibatnya, mereka mungkin membuat keputusan kewangan yang buruk, seperti mengambil pinjaman peribadi dengan kadar faedah yang tinggi tanpa memikirkan komitmen yang akan datang. Oleh itu, pentingnya pengurusan kewangan yang baik bagi mengelakkan terperangkap dalam masalah hutang pada masa hadapan.

Kesedaran dan pendidikan adalah kunci dalam menangani masalah ini, memastikan bahawa setiap orang dapat mengurus kewangan mereka dengan lebih baik dan hidup dengan lebih tenang tanpa beban hutang yang menghantui.

Kesimpulannya, beban hutang adalah isu yang kompleks dan memerlukan pendekatan pelbagai aspek untuk menyelesaikannya. Dengan memahami punca beban hutang, kesannya dan langkah - langkah yang boleh diambil untuk mengurangnya, kita dapat membantu individu dan keluarga mengatasi cabaran kewangan yang dihadapi.

Salah satu cara terbaik untuk menyelesaikan hutang adalah dengan berusaha

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Ilustrasi : Dk. Nur Ridzwana
Pg. Abd Aziz

membayar hutang secepat mungkin. Hutang harus dibayar, dan jika seseorang mampu untuk segera melunasi hutangnya, maka itu adalah langkah yang sangat baik. Dalam hal ini, seorang Muslim dianjurkan untuk mengutamakan pembayaran hutang sebelum menggunakan hartanya untuk hal lain yang lebih bersifat konsumtif.

Secara keseluruhannya, ajaran Islam menegaskan bahawa hutang bukan sekadar tanggungjawab duniawi tetapi juga amanah yang membawa kesan kepada akhirat. Oleh itu, umat Islam perlu berusaha untuk membayar hutang secepat mungkin, menjaga niat ketika berhutang, serta tidak mengabaikan hak orang lain. Membayar hutang bukan sahaja memenuhi tanggungjawab sosial, malah ia adalah ibadah yang dipandang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Jangan berjanji untuk membayar hutang jika kita rasa tidak mampu untuk menunaikan janji tersebut, jadi janganlah diucapkan kerana setiap janji itu memberi satu harapan kepada orang yang kita 'hutangi'. Sebagaimana kita bersungguh-sungguh ketika meminjam, begitu juga seharusnya kita berusaha dengan tekun untuk membayar semula hutang tersebut, walaupun hanya dalam jumlah yang kecil setiap bulan. InsyaaAllah, usaha tersebut dapat memberikan kelegaan kepada pemiutang dan menunjukkan bahawa pemiutang benar-benar komited menunaikan tanggungjawabnya.





TEKNOLOGI REPUBLIK RAKYAT CHINA MEMPERKASA PERALIHAN HIJAU GLOBAL

BEIJING, 31 Jan. - Dalam usaha global untuk mencapai masa depan yang mampan, Republik Rakyat China bukan sahaja menonjol sebagai peserta utama tetapi juga sebagai enjin penting kemajuan teknologi, dan sebagai pembekal infrastruktur kuasa angin dan solar terbesar.

Walaupun portfolio tenaga bersih Republik Rakyat China luas, sektor kuasa anginnya menawarkan gambaran yang jelas tentang pencapaian luar biasa negara itu, dan menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh teknologi hijau Republik Rakyat China dalam peralihan tenaga global.

Skala pembangunan kuasa angin Republik Rakyat China amat mengejutkan, dengan jumlah kapasiti terpasangnya mengatasi mana-mana negara lain. Menjelang akhir tahun 2025, kapasiti kuasa angin terpasang Republik Rakyat China telah meningkat 22.9 peratus tahun ke tahun kepada 640 juta kilowatt, menyumbang lebih daripada 16 peratus daripada jumlah kapasiti penjanaan kuasa terpasang negara dan menandakan tahun ke-15 berturut-turut Republik Rakyat China mempunyai kapasiti sedemikian yang terbesar di dunia.

Khususnya, pada tahun 2025, kapasiti kuasa angin dan solar terpasang Republik Rakyat China mencapai pencapaian bersejarah dengan mengatasi kuasa terma.

Pembangunan hijau merupakan ciri tersendiri pemodenan Republik Rakyat China. Republik Rakyat China menasarkannya untuk mencapai pelepasan karbon dioksida puncak sebelum 2030 dan peneutralan karbon sebelum 2060. Republik Rakyat China telah mewujudkan rangka kerja dasar paling lengkap untuk pengurangan pelepasan karbon dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang terbesar dan paling pesat berkembang di dunia.

Di Republik Rakyat China, ladang angin boleh dilihat merentasi padang pasir yang luas, di sepanjang pesisir pantai, dan juga di kawasan pergunungan terpencil. Wilayah Autonomi Mongolia Dalam di utara Republik Rakyat China, sebagai contoh, menyaksikan kapasiti kuasa angin terpasangnya melebihi 100 juta kilowatt tahun lepas.

Perkembangan pesat kapasiti kuasa angin Republik Rakyat China telah disertai dengan inovasi teknologi dalam sektor ini. Republik Rakyat China telah mewujudkan rantaian perindustrian paling komprehensif di dunia, meliputi pembuatan peralatan kuasa angin berskala besar, pemasangan turbin berstandard tinggi, dan operasi serta penyelenggaraan yang sangat boleh dipercayai.

Sepanjang lima tahun yang lalu, Republik Rakyat China telah mempercepatkan transformasi hijau. Pada akhir tahun 2025, kapasiti kuasa solar terpasang Republik Rakyat China mencecah

1.2 bilion kilowatt, 4.8 kali ganda angka 2020. Bahagian tenaga boleh diperbaharui dalam jumlah kapasiti kuasa terpasang Republik Rakyat China telah meningkat kepada kira-kira 60 peratus, meningkat daripada 40 peratus lima tahun yang lalu.

Pada masa ini, Republik Rakyat China menyumbang hampir separuh daripada jumlah kapasiti kuasa angin dan solar yang dipasang di dunia, dan kira-kira 60 peratus daripada pemasangan kuasa solar dan angin baharu di seluruh dunia. Republik Rakyat China telah menjadi gergasi hijau, menerajui angin perubahan dalam sektor tenaga.

Republik Rakyat China sentiasa menjadi penyumbang penting dan rakan kongsi yang boleh dipercayai dalam peralihan tenaga global. Republik Rakyat China membekalkan 70 peratus daripada peralatan kuasa angin dunia dan 80 peratus panel fotovoltai, dan membantu mengurangkan purata kos kuasa angin dan kuasa fotovoltai global masing-masing sebanyak 60 peratus dan 80 peratus, sekali gus menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dengan ketara. Tahun lepas, eksport peralatan kuasa angin Republik Rakyat China meningkat hampir 50 peratus. Perusahaan kuasa angin Republik Rakyat China telah membina kilang di pelbagai negara.

Kisah sektor kuasa angin Republik Rakyat China atau pemacu peralihan hijau yang lebih



FOTO dron udara yang diambil pada 27 April 2025 menunjukkan pemandangan ladang kuasa angin Santanghu di Bandar Hami di wilayah Autonomi Xinjiang Uygur, barat laut Republik Rakyat China.

luas adalah tentang sebuah negara yang telah mengubah komitmennya terhadap pembangunan hijau menjadi tindakan nyata, memperkasa pertumbuhannya sendiri sambil menyumbang kepada pembangunan negara lain.

Menggalakkan peralihan hijau sistem tenaga bukan sahaja akan menyediakan daya penggerak yang kuat untuk pembangunan manusia, tetapi juga melindungi

hak semua negara untuk pembangunan yang saksama dengan lebih baik. Adalah bijak dan berpandangan jauh bagi negara-negara untuk memperdalam kerjasama dalam sektor tenaga bersih. Republik Rakyat China bersedia untuk memberikan sumbangan yang lebih besar dengan membangunkan tenaga boleh diperbaharui dan menyokong usaha global. - ©XINHUA

Indonesia tubuh Perminas urus nadir bumi

JAKARTA, 31 Jan. - Indonesia memutuskan untuk menubuhkan sebuah syarikat milik kerajaan (BUMN) baharu yang dikenali sebagai Perusahaan Mineral Nasional (Perminas) bagi menguruskan sumber mineral nadir bumi strategik di seluruh negara.

Menteri Setiausaha Negara, Prasetyo Hadi berkata arahan itu datang secara langsung daripada Presiden Prabowo Subianto yang telah mengarahkan dana kekayaan negara Indonesia, Danantara, untuk menyelia pembentukannya.

"Kerajaan telah mengenal pasti

beberapa kawasan perlombongan untuk diletakkan di bawah Perminas, termasuk lombong emas Martabe di Sumatera Utara yang sebelum ini dikendalikan oleh Agincourt Resources, yang lesen operasinya dibatalkan baru-baru ini atas dakwaan pelanggaran peraturan," katanya seperti yang dilaporkan oleh agensi berita ANTARA pada Jumaat.

Agincourt Resources merupakan antara 28 syarikat yang dibatalkan lesen operasi kerana didakwa melanggar peraturan penggunaan hutan, susulan kejadian banjir besar dan tanah runtuh yang melanda tiga wilayah

di utara Sumatera pada November lepas, yang mengorbankan lebih 1,000 nyawa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Danantara Indonesia Rosan Roeslani berkata Perminas akan memberi tumpuan kepada mineral nadir bumi, sekali gus membezakan peranannya daripada syarikat pegangan perlombongan milik negara sedia ada, MIND ID.

Mengenai potensi pengambilalihan kawasan perlombongan Martabe, beliau berkata pihaknya masih menunggu arahan lanjut daripada kerajaan pusat. - ©BERNAMA

Ketua PBB sambut baik gencatan senjata Syria-YPG, gesa semua pihak patuhi komitmen

HAMILTON (Kanada), 31 Jan. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Jumaat menyambut baik perjanjian gencatan senjata antara Kerajaan Syria dan kumpulan pengganas YPG, yang beroperasi di bawah nama Pasukan Demokratik Syria (SDF) serta menggesa pelaksanaan penuh perjanjian itu, lapor Anadolu Ajansi.

"Setiausaha Agung menyambut baik perjanjian antara Kerajaan Syria dan SDF serta menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang berusaha menyokongnya," menurut kenyataan oleh jurucakap Guterres, Farhan Haq.

Menurut kenyataan itu Ketua PBB "merayu kepada semua pihak agar bertindak pantas bagi memastikan pelaksanaan perjanjian itu," selain menekankan tentang "integrasi secara aman di timur laut Syria, hak-hak warga Kurdish Syria, kepulangan pelarian secara selamat, bermaruah dan

sukarela, serta bersatu dalam usaha membina semula negara itu."

"Beliau menggesa semua pihak untuk mematuhi sepenuhnya komitmen mereka, mengutamakan kestabilan Syria serta wilayah yang lebih luas, dan memastikan orang awam dilindungi serta dapat hidup dengan selamat, bermaruah dan bebas daripada ketakutan," menurut kenyataan itu lagi.

Kerajaan Syria dan organisasi pengganas YPG mencapai perjanjian komprehensif baharu pada Jumaat yang merangkumi gencatan senjata dan rangka kerja bagi integrasi berperingkat kumpulan itu ke dalam struktur ketenteraan dan pentadbiran.

Tentera Syria melancarkan operasi terhadap YPG pada 16 Jan di kawasan barat Sungai Euphrates. Operasi itu kemudiannya diperluas ke timur sungai dengan penyertaan pasukan puak, yang membawa kepada sebahagian besar wilayah

yang sebelum ini diduduki kumpulan itu kini berada di bawah kawalan kerajaan.

Satu perjanjian gencatan senjata dan integrasi penuh sebelum ini yang dicapai pada 18 Jan antara Damsyik dan YPG merangkumi peruntukan bagi pengunduran penuh kumpulan itu dari wilayah timur Raqqa dan Deir ez-Zor, pemindahan institusi awam di Hasakah kepada pihak berkuasa negeri, penyerahan semua lintasan sempadan dan sumber tenaga di bawah kawalan kerajaan pusat serta integrasi individu anggota YPG ke dalam pasukan keselamatan.

Bagaimanapun, pertempuran tercetus semula pada 19 Jan selepas YPG enggan mematuhi perjanjian itu. Kerajaan mengumumkan pada 20 Jan bahawa ia telah mengisytiharkan gencatan senjata dan memberi tempoh empat hari kepada kumpulan itu untuk meneruskan proses integrasi. - ©BERNAMA

Angka korban nahas kereta api Sepanyol meningkat kepada 46 orang

MADRID, 31 Jan. - Dua belas hari selepas nahas ngeri kereta api di selatan Sepanyol, seorang wanita yang cedera parah dilaporkan meninggal dunia di hospital pada Jumaat, menurut penyiar televisyen negeri RTVE dan media Sepanyol lain, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Ini menjadikan angka korban dalam satu daripada bencana kereta api terburuk dalam sejarah negara itu meningkat kepada 46 orang.

Doktor telah berusaha menyelamatkan nyawa mangsa berusia 42 tahun dari La Palma del Condado itu sejak kemalangan pada petang 18 Januari, yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Reina Sofia di Córdoba.

Beberapa jam sebelum berita kematiannya, pihak berkuasa memaklumkan bahawa 17 daripada lebih 120 mangsa yang cedera masih berada di Unit Rawatan Rapi, lapor RTVE.

Menurut penilaian awal suruhanjaya siasatan rasmi, pelanggaran antara dua kereta api berkelajuan tinggi itu berpunca daripada kerosakan landasan.

Gerabak belakang sebuah daripada kereta api itu tergelincir dan memasuki landasan bersebelahan. Sebuah kereta api dari arah bertentangan kemudian merempuh gerabak berkenaan dan tercampak keluar dari landasan pada kelajuan lebih 200 kilometer sejam (km/j).

Pada Khamis, ahli keluarga mangsa dalam satu majlis peringatan di Huelva yang dihadiri kira-kira 4,000 peserta menuntut kebenaran mengenai punca sebenar kemalangan itu. Raja Sepanyol, Raja Felipe VI dan Ratu Letizia turut berangkat ke majlis berkenaan.

Bagaimanapun, keputusan rasmi siasatan akhir mungkin mengambil masa berminggu-minggu atau berbulan-bulan sebelum dapat diperolehi. - ©BERNAMA

RM11.8 juta naik taraf kemudahan termasuk tandas di KKIA

KOTA KINABALU, 31 Jan. - Projek menaik taraf kemudahan khususnya tandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dengan kos berjumlah RM11.8 juta dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan kelancaran operasi di lapangan terbang itu, menurut Malaysia Airports.

Menurut kenyataan Malaysia Airports hari ini, projek berkenaan dilaksanakan bagi menambah baik kemudahan infrastruktur yang semakin usang di terminal yang beroperasi lebih 20 tahun serta menampung jutaan penumpang itu.

"Projek pengubahsuaian itu meliputi 196 kubikel tandas, 25 tandas untuk Orang Kurang Upaya (OKU), empat bilik penjagaan bayi serta 26 bilik stor janitor.

"Kerja-kerja berkenaan merangkumi penggantian sistem paip dan sanitari, penambahbaikan kalis air dan saliran, menaik taraf sistem mekanikal dan elektrik serta pemasangan kelengkapan yang direka khusus untuk kegunaan kapasiti tinggi," menurut kenyataan itu.

Malaysia Airports memaklumkan fasa satu kerja-kerja pengubahsuaian itu telah siap pada Mac tahun lepas manakala fasa dua dijangka siap pada April ini.

Naik taraf itu juga adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan KKIA kekal selamat dan berfungsi dengan baik, di samping menyokong permintaan penumpang yang berterusan. - ©BERNAMA

DPMM FC U18 JUARA LIGA BELIA BRUNEI MUSIM 2025/2026

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

JERUDONG, Sabtu, 31 Januari. - DPMM FC U18 dinobatkan sebagai juara Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori

Bawah 18 Tahun (Brunei Youth League – BYL U18) yang melabuhkan tirainya malam tadi di Jerudong Park Mini Stadium



DPMM FC dinobatkan sebagai juara Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (Brunei Youth League – BYL U18).

(JPMS).

Sementara, naib juara disandang oleh Kasuka FC, manakala Falcon Sports Company pula menamatkan kejohanan di kedudukan ketiga.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku tetamu kehormat majlis.

Pada perlawanan terakhir yang turut berlangsung di JPMS malam tadi, Kasuka FC mencatat kemenangan 3 - 0 ke atas DPMM FC U18.

Gol-gol kemenangan Kasuka FC dijaringkan oleh Adyka Farel pada minit ke-58, diikuti Arshyad Taquiddin pada minit ke-69, manakala Faaiz Zulkeflee pada minit ke-83.

Walaupun tewas pada



PENYAMPAIAN hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.

perlawanan terakhir berkenaan, DPMM FC U18 muncul juara keseluruhan kejohanan berdasarkan prestasi cemerlang sepanjang musim.

Kejohanan berkenaan yang menghimpunkan bakat-bakat muda bola sepak negara terus

menjadi platform penting dalam usaha mencungkil, membangunkan serta melahirkan pemain pelapis berkualiti bagi memacu perkembangan sukan bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

Lebih 200 sertai Kejohanan Pickleball



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa menyaksikan perlawanan berkenaan (kanan), manakala gambar kiri, antara aksi perlawanan

Dewan Sekolah Chung Hwa Kiudang, Tutong.

Hadir sama bagi menyaksikan perlawanan pada hari kedua Kejohanan Pickleball ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Sebanyak tiga kategori perlawanan dipertandingkan pada kejohanan kali ini yang berlangsung sehingga Ahad, 1 Februari 2026 termasuklah Kategori Perseorangan Lelaki dan Wanita, Kategori Beregu Lelaki, Wanita dan Campuran yang menawarkan hadiah terkumpul sehingga BND10,000.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Rosnah Yusof & Son Entertainment



tersebut turut dijayakan bersama oleh Brunei Picklers dan disokong oleh Sport Sync.

Dengan penganjuran acara sukan seumpama ini, diharap dapat mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk perpaduan dan kerjasama padu serta menggalakkan gaya hidup sihat.

Selain itu, ia bertujuan

menyemai budaya kesukanan, meningkatkan aktiviti riadah dalam kalangan masyarakat, serta memperkukuh semangat setia kawan dalam suasana yang sihat sekali gus merangsang industri pelancong tempatan dan merancakkan ekonomi tempatan dengan tarikan daripada peserta luar negara.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

KIUDANG, Ahad, 1 Februari. - Lebih 200 orang peserta dari dalam dan luar negara menyertai

Kejohanan Picklrs Open Showdown 2026 yang berlangsung selama tiga hari bertempat di

Rimba Star FC tewaskan MS PPDB 3-1

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Ahad, 1 Februari. - Rimba Star FC berjaya meraih 3 mata penuh dalam saingan bola sepak Liga Super Brunei yang berlangsung petang tadi setelah berjaya menewaskan MS PPDB dengan keputusan 3-1.

Dalam perlawanan yang mengambil tempat di Padang dan

Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah tersebut menyaksikan penguasaan permainan lebih didominasi oleh MS PPDB pada awal babak pertama perlawanan namun gagal melakukan penyudah dengan baik sebaliknya pula dikejutkan dengan jaringan sulung pihak lawan yang

dihasilkan oleh pada minit ke-8 perlawanan menerusi Oscar Chinenye Uchendu.

Setelah ketinggalan 0-1, MS PPDB cuba memperbaiki permainan untuk mencari jaringan penyamaan namun tetap gagal menembusi gawang Rimba Star FC sebaliknya Rimba Star FC pula berjaya menggandakan gol apabila Oscar Chinenye Uchendu sekali lagi berjaya merembat masuk gol kedua buat pasukannya pada minit ke-32 perlawanan.

Kedua-dua pasukan seterusnya saling melakukan serangan ke atas kubu pasukan lawan sehinggalah pengadil perlawanan meniupkan wisel penamat separuh masa pertama perlawanan sekali gus menyaksikan Rimba Star FC

mendahului 0-2 ke atas MS PPDB.

Masuk ke babak kedua perlawanan, MS PPDB tidak menunggu lama apabila berjaya menjaringkan gol pertamanya pada minit ke-51 menerusi Mohammad Na'im bin Haji Tarif.

Walau bagaimanapun, momentum tersebut tidak bertahan

lama apabila Rimba Star FC berjaya menjaringkan lagi gol ketiganya pada minit ke-64 menerusi Oscar Chinenye Uchendu untuk menghasilkan gol hatriknya sebagai wira penyelamat Rimba Star FC pada perlawanan kali ini dan keputusan itu kekal sehingga pengadil meniupkan wisel penamat perlawanan.



ANTARA aksi perlawanan di antara Rimba Star FC menentang MS PPDB (kanan), manakala gambar kiri, sebahagian penyokong yang hadir.





DBM UNGGULI PERLAWANAN BOLING PIALA PERSAHABATAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Perlawanan Boling Piala Persahabatan antara Jabatan-jabatan Daerah serta Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 2026, Negara Brunei Darussalam (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menyertai pertandingan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

SERIA, Ahad, 1 Februari. - Pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang berjaya meraih 4,476 jatuhan pin terkumpul muncul juara pada Perlawanan Boling Piala Persahabatan antara Jabatan-jabatan Daerah serta Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 2026, Negara Brunei Darussalam anjuran Badan Kebajikan PEKERUPA Daerah Belait dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait.

Naib juara dimenangi oleh Pasukan Daerah Tutong dengan 4,073 jatuhan pin terkumpul

manakala tempat ketiga ialah Pasukan Daerah Belait yang meraih 4,027 jatuhan pin terkumpul. Sementara tempat keempat disandang oleh Pasukan Daerah Temburong dengan 3,410 jatuhan pin terkumpul.

Hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan yang berlangsung di GoStrike Bowling Centre, Seria itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Manakala Awang Ahmad Khairi

bin Haji Hassan daripada Pasukan Bola Berputar, DBM dinobatkan sebagai penerima bagi Kategori Most Strike Solo dengan mendapat 11 *strike*. Pasukan Bola Berputar juga mendapat hadiah pasukan yang paling banyak mendapat *strike* iaitu 30 *strike*.

Hadir sama pada kejohanan tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dalam kalangan penghulu mukim dan ketua kampung; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; pemangku-pemangku pegawai daerah serta penghulu-penghulu mukim dan

ketua-ketua kampung keempat-empat daerah.

Sebanyak 16 pasukan terdiri daripada pasukan-pasukan setiap daerah ikut serta pada kejohanan tersebut.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dalam kalangan penghulu mukim dan ketua kampung serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap juga ikut serta pada perlawanan tersebut.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang perlawanan dan pemenang setiap kategori

perlawanan yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Antara tujuan kejohanan ialah bagi mengukuhkan hubungan persaudaraan dan kerjasama antara ketua-ketua kampung di keempat-empat daerah, di samping mendorong penglibatan dalam aktiviti sukan dan riadah selaras dengan amalan hidup sihat.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memupuk nilai kerjasama, disiplin, toleransi dan persaingan sihat serta menggalakkan rasa kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan pemimpin akar umbi di seluruh negara.

Kejohanan saksikan pertarungan sengit

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian - kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 Tahun 2025 diteruskan lagi dengan menyaksikan pertarungan sengit antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Kategori Terbuka.

Pada perlawanan tersebut Kementerian Kesihatan berjaya menundukkan KHEU dengan jaringan 15 berbalas 8.

Pada babak pertama, perlawanan berakhir dengan jaringan 8 berbalas 6 sebelum Kementerian Kesihatan mengukuhkan penguasaan pada babak kedua untuk menamatkan perlawanan dengan jaringan 15 berbalas 8 sekali gus memperoleh 2 mata.

Sementara itu, dalam satu lagi perlawanan Kategori Terbuka, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menewaskan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan jaringan 14 berbalas 10.

Manakala dalam perlawanan lain, Kementerian Pendidikan berjaya mengalahkan Kementerian Pembangunan dengan jaringan 24 berbalas 4. Kesemua perlawanan dijalankan secara *round robin*.

Dalam Kategori Veteran, Kementerian Kesihatan berjaya menewaskan Kementerian KHEDN dengan jaringan 8 berbalas 6.

Kejohanan tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan akan disambung lagi pada 8 Februari 2026 bagi Majlis Penyampaian Hadiah.



ANTARA pasukan yang bertanding pada Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian - kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32 Tahun 2025.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMBAHYANG TERAS MODAL INSAN CEMERLANG